



JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)



AMALAN TADBIR URUS WAKAF DI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

AMALAN TADBIR URUS WAKAF DI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

Nor Syahidah Ishak
Siti Hajar Salwa Ahmad Musadik
Noraini Yusuff
Ahmad Khilmy Abdul Rahim
Alias Mat Nor
Amirul Faiz Osman
Muhamad Abrar Bahaman



JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
DAN
PUSAT PENGAJIAN PERNIAGAAN ISLAM,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
(JAWHAR)**

JABATAN PERDANA MENTERI

Cetakan Pertama ... 2024

© Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Aras 8-9, Blok D, No. 3, Jalan Tun Abdul Razak, Kompleks Islam Putrajaya, Presint 3, 62100 Putrajaya.

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 8-9, Blok D,
No. 3, Jalan Tun Abdul Razak,
Kompleks Islam Putrajaya, Presint 3,
62100 Putrajaya
Tel : 603-88837400 Fax : 603-88837406**

Dicetak oleh :

**Kedepan Enterprise
23A, Jln Kajang Perdana 2/3,
Taman Kajang Perdana, 43000
Kajang, Selangor
Tel : 017 2238610 / 019 6019802**

Sekapur Sirih

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saya memulakan catatan perutusan ini dengan mengajak semua untuk menghayati firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa' ayat 58:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ

أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ٥٨

Maksud Ayat:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar lagi sentiasa Melihat.

Alhamdulillah segala puji bagi Allah Subhanahu Wataala atas segala kurniaan rahmat dan nikmat kepada kita semua. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pengurusan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bersama-sama pihak Universiti Utara Malaysia (UUM) atas kejayaan menghasilkan naskhah berjudul "Amalan Tadbir Urus Wakaf di Universiti Awam Malaysia".

Seruan Kerajaan Madani pimpinan YAB Perdana Menteri untuk memberi fokus kepada usaha-usaha pemeraksanaan institusi Islam termasuk amalan wakaf telah disambut oleh JAWHAR bersama kerjasama strategik daripada pihak UUM melalui penerbitan ini.

Buku ini boleh merealisasikan usaha pemeraksanaan bidang wakaf apabila wujudnya kesedaran akan kepentingan wakaf di negara ini. Selain itu, buku ini menjadi rujukan penting kepada

institusi pendidikan awam dalam menguruskan urus tadbir wakaf di universiti-universiti awam.

Aspek tatakelola dan integriti pengurusan wakaf mesti berada pada tahap yang paling memuaskan. Gabungan kepakaran golongan ilmuwan, profesional dan pentadbir akan memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran wakaf di semua institusi yang berkaitan. Usaha-usaha menjadikan wakaf sebagai penyumbang kepada kewangan sosial Islam di Malaysia perlu diperkasa dengan bergandingan bersama pihak berkuasa agama Islam Negeri-Negeri. Saya amat berharap agar buku ini dapat dijadikan rujukan kepada semua pihak agar sama-sama dapat membantu memperkukuh penghayatan amalan terbaik dalam pengurusan wakaf.

Jutaan penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku ini. Saya berharap usaha pihak JAWHAR bersama UUM mendapat sokongan semua pihak terutamanya pihak institusi pengajian tinggi dalam memartabatkan amalan wakaf. Semoga segala sumbangan serta dedikasi yang dicurahkan dalam penerbitan buku ini akan dinilai sebagai amal soleh.

Akhir kata, selamat maju jaya kepada semua warga JAWHAR dan UUM untuk terus berbakti sepenuh hati kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HJ. MOHD NA'IM
BIN HJ. MOKHTAR**

Prakata

Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

Assalamualaikum wrt.wbth. Segala pujian bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat serta seluruh umat Islam. Alhamdulillah, dengan penuh kesyukuran JAWHAR sekali lagi dapat mengusahakan penerbitan naskhah ilmiah yang kali ini diusahakan bersama-sama dengan Universiti Utara Malaysia (UUM). Naskhah ilmiah ini diharapkan dapat memberi manfaat besar sebagai maklumat dan garis panduan kepada pembaca terutamanya bagi pihak berautoriti yang mentadbir urusan hal ehwal wakaf di pusat pengajian tinggi khususnya di universiti awam.

Penerbitan buku yang bertajuk “Amalan Tadbir Urus Wakaf di Universiti Awam Malaysia” ini mengandungi enam bab yang merangkumi penulisan dan kajian lengkap dalam tadbir urus wakaf di universiti awam. Antara yang dibincangkan dalam buku ini adalah pengenalan kepada konsep dan pensyariatian wakaf di samping konsep tadbir urus wakaf yang tidak boleh ditinggalkan agar pengurusan dan pelaksanaan wakaf diuruskan dengan lebih sistematik dan berkesan.

Selain itu juga, selaras dengan seruan Kerajaan Madani hari ini yang sangat menyokong pemerkasaan institusi Islam termasuk pengurusan wakaf, maka penghuraian jenis-jenis pelaksanaan wakaf di universiti awam termasuk mencadangkan model yang akan dapat membantu

pengurusan dan pelaksanaan wakaf dengan lebih baik telah digarap dengan tuntas di dalam buku ini.

Pada kesempatan ini, saya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan bekerjasama dengan JAWHAR dalam menghasilkan penerbitan buku ini. Semoga Allah SWT jua menganugerahkan ganjaran pahala yang berterusan kepada para penulis, penerbit dan para pembaca serta para pengamal yang berusaha mengurus atau melaksanakan amalan wakaf ini.

Sekian, terima kasih.

DATO' SELAMAT BIN PAIGO

ISI KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH	II
PRAKATA	IV
ISI KANDUNGAN	VI
SENARAI JADUAL	VIII
SENARAI RAJAH	IX
SENARAI AKRONIM	X
BAB 1: PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Tujuan	1
Skop	2
Kaedah Penyediaan Buku	3
Kesimpulan	5
BAB 2: KONSEP DAN PENSYARIATAN WAKAF	6
Definisi Wakaf	6
Dalil Pensyariatan Wakaf	13
Fatwa Berkaitan Wakaf	20
Jenis-Jenis Wakaf	22
Wakaf di Universiti Awam	27
BAB 3 : TADBIR URUS WAKAF	32
Pengenalan	32
Definisi Tadbir Urus	34
Kepentingan Tadbir Urus Wakaf	37
Ciri-ciri Tadbir Urus yang Baik	38
Pentadbir Wakaf	39

BAB 4: PELAKSANAAN TADBIR URUS WAKAF DI UNIVERSITI AWAM	50
Pelaksanaan Tadbir Urus Wakaf di Universiti Awam	50
Jenis Wakaf di Universiti Awam	74
Kaedah Kutipan Wakaf di Universiti Awam	80
Cabaran Dan Isu Tadbir Urus Wakaf (Analisis S.W.O.T)	83
Kesimpulan	84
BAB 5: CADANGAN MODEL TADBIR URUS WAKAF DI UNIVERSITI AWAM	85
Tadbir Urus Wakaf yang Ideal dan Profesional	85
Cadangan Model Agihan Manfaat Wakaf	94
Kesimpulan	96
BAB 6: PENUTUP	97
GLOSARI	104
RUJUKAN	106
INDEKS	110

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Senarai responden
Jadual 2.1	Senarai Pusat Wakaf di Universiti Awam di Malaysia
Jadual 3.1	Status Hak Mutawalli mengikut Universiti Awam
Jadual 4.1	Pengurusan Dana Wakaf Tunai di WAZAN
Jadual 4.2	Agihan Dana Manfaat Wakaf di WAZAN
Jadual 4.3	Agihan Manfaat Wakaf di Pusat Wakaf dan Endowmen UTHM
Jadual 4.4	Agihan Manfaat Wakaf di WEZAS
Jadual 4.5	Agihan Manfaat Wakaf DWP-UTM
Jadual 4.6	Agihan Manfaat Wakaf UiTM (ZAWAF)
Jadual 4.7	Agihan Manfaat Wakaf UMT(ZAWIN)
Jadual 4.8	Wakaf Am Universiti Awam
Jadual 4.9	Jenis Wakaf Khas di UA

SENARAI RAJAH

- Rajah 3.1 Hubungan horizontal dan vertikal manusia dan Allah SWT
- Rajah 4.2 Jenis Wakaf Dilaksanakan Di Universiti Awam
- Rajah 4.3 Tadbir Urus Wakaf Universiti Awam Melalui Analisis S.W.O.T
- Rajah 5.1 Jawatankuasa Pengurusan Wakaf
- Rajah 5.2 Jawatankuasa Bersama Pengurusan Wakaf
- Rajah 5.3 Model Pengurusan Wakaf di UA
- Rajah 5.4 Cadangan Model Pengurusan Wakaf di UA
- Rajah 5.5 Cadangan Model Agihan Manfaat Wakaf
- Rajah 5.6 Agihan Manfaat Wakaf

SENARAI AKRONIM

AAOIFI	<i>Accounting and Auditing for Islamic Financial Institution</i>
CFO	<i>Chief Financial Officer</i>
DWTP	Dana Wakaf Tunai Pendidikan
EPL	<i>Eastern Pisperseal Link</i>
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
MAIPs	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAINJ	Majlis Agama Islam Negeri Johor
MAIPk	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
MAINS	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
MARSAH	Kolej Pengajian Islam Johor
PMDG	Pondok Moden Darussalam Gontor
PSPS	Pusat Strategik Penjanaaan Pendapatan UTEM
PTJ	Pusat tanggungjawab
PWS	Perbadanan Wakaf Selangor
PWZ	Pusat Wakaf dan Zakat USIM
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UTEM	Universiti Teknikal Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UMT	Universiti Malaysia Terengganu

UniTP	<i>University Transformation Programme</i>
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn
UNIMAP	Universiti Malaysia Perlis
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
WAZAN	Pusat Pengurusan Wakaf Zakat dan Endowmen UPM
WEZAS	Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah
	UPSI
WPP	Wakaf Pulau Pinang
ZAWAF	Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Bab pendahuluan ini akan membincangkan berkenaan tujuan, skop dan kaedah penyediaan buku Amalan Tadbir Urus Wakaf di Universiti Awam Malaysia. Secara umumnya, buku ini diterbitkan bagi mengupas dan meneroka beberapa model tadbir urus wakaf yang telah dilaksanakan di universiti awam serta membangunkan model tadbir urus yang terbaik dan ideal bagi pengurusan dana wakaf yang lebih cekap dan efisien.

Tujuan

Penyediaan buku Amalan Tadbir Urus Wakaf di Universiti Awam Malaysia ini sebagai rujukan dan panduan universiti awam dalam mewujudkan tadbir urus wakaf yang lebih mampan. Selain daripada itu, terdapat beberapa tujuan utama buku ini diterbitkan termasuklah:

- a) Mengenal pasti jenis dan kaedah pelaksanaan wakaf di universiti awam;
- b) Meneroka beberapa model tadbir urus wakaf yang telah dilaksanakan di universiti awam;
- c) Menganalisis pengalaman dan amalan pelaksanaan tadbir urus wakaf di universiti awam di samping memperkemas dan menambah baik sistem tadbir urus sedia ada; dan
- d) Membangunkan model yang terbaik dan ideal bagi tadbir urus wakaf di universiti awam agar sistem pengurusan wakaf lebih cekap dan teratur.

Skop

Buku ini berkisar mengenai definisi wakaf, jenis wakaf di universiti awam, kaedah kutipan wakaf, amalan tadbir urus di beberapa universiti awam terpilih yang mempunyai pusat wakaf termasuklah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknikal Malaysia (UTEM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti

Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Selain itu, buku ini membincangkan berkenaan amalan tadbir urus terbaik yang merupakan salah satu usaha dalam memantapkan pengurusan wakaf di universiti awam. Buku ini amat sesuai sebagai panduan dan rujukan bagi melihat sistem tadbir urus yang telah dilaksanakan di universiti awam.

Kaedah Penyediaan Buku

Penyediaan buku ini diurusetikan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan input daripada wakil bahagian wakaf di universiti awam melalui sesi temu bual.

Kutipan data melalui sesi temu bual dan analisis dokumen adalah sebahagian daripada projek penyelidikan geran universiti UUM yang telah dilaksanakan pada 1 Ogos hingga 30 Oktober 2021. Proses pengumpulan dan analisis data bagi penyediaan buku ini dijalankan melalui dua peringkat. Peringkat pertama ialah pengumpulan data berkaitan konsep dan teori amalan tadbir urus wakaf di universiti awam. Peringkat kedua melibatkan data temu bual daripada semua wakil bahagian wakaf di universiti awam terpilih.

Responden yang terlibat adalah seperti dalam Jadual 1.1. Kriteria yang dipilih adalah berdasarkan universiti dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang berlainan. Responden ini terdiri daripada pengarah pusat wakaf, ketua unit wakaf, ketua bahagian wakaf dan ketua jabatan yang mengendalikan urusan wakaf universiti awam.

Jadual 1.1: Senarai responden

Bil.	Pusat Wakaf Universiti Awam
1.	Pengurus Wakaf Wakaf Yayasan Canselor UKM
2.	Pengarah Dana Wakaf Pendidikan UTM
3.	Pengarah Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) UiTM
4.	Pengarah Pusat Strategik Penjanaan Pendapatan (PSPP) UTEM
5.	Pengarah Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah (WEZAS) UPSI
6.	Pengarah Pusat Islam Sultan Mahmud UMT
7.	Pengarah Pusat Wakaf dan Endowmen UTHM
8.	Wakil Crowdfunding Waqf UNIMAP
9.	Ketua Sektor Sektor Pembangunan Masjid dan Wakaf USM

10.	Pengarah Pusat Pengurusan Wakaf Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM
11.	Pengarah Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) USIM

Kesimpulan

Penerbitan buku Amalan Tadbir Urus Wakaf di Universiti Awam Malaysia ini disediakan sebagai rujukan dan panduan dalam amalan tadbir urus wakaf yang lebih sistematik. Kerangka model tadbir urus yang ideal ini akan membantu pihak pengurusan mengendalikan institusi wakaf dengan lebih cekap dan efisien.

BAB 2

KONSEP DAN PENSYARIATAN WAKAF

Definisi Wakaf

Dari segi bahasa, perkataan wakaf ini berasal daripada bahasa Arab “*Waqafa*” yang membawa maksud *al-habs* iaitu “terhenti” atau “menahan” (Md Kamdari et al, 2019). Kalimah *al-habs* juga membawa beberapa makna, antaranya menegahnya (*manáuhu*), memegangnya (*'amsakuhu*) dan memenjarakannya (*sajjanuhu*) (al-Fayruz Abadi, 1987). Ulama fiqh bersepakat mentakrifkan *waqf* daripada sudut bahasa dengan perkataan *al-habs*, kerana perkataan ini lebih hampir kepada pengertian syarak. Menurut Kamus Dewan (2010), perkataan “wakaf” didefinisikan sebagai sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai (sebagai derma) atau diperuntukkan bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam, seperti mendirikan masjid atau membina madrasah untuk kegunaan orang ramai. Sebagai contoh apabila

seseorang melaksanakan akad untuk berwakaf iaitu dengan menyebut “saya mewakafkan sekian harta tersebut” ianya bermaksud “saya menahannya dari digunakan dari sebarang urusan selain pada jalan Allah”.

Dari segi istilah syarak menurut Ibn Hajar al-Haitami menyebut takrif wakaf dalam konteks syariah sebagai menahan harta yang boleh dimanfaatkan selama bendanya masih baik dengan cara memutuskan hak pemilikan atas harta tersebut, dan dialihkan untuk kepentingan-kepentingan (awam) yang diharuskan (Al-Haitami, 1990). Ibnu Qudamah mendefinisikan wakaf sebagai menahan pokok (zat harta) dan menyedekahkan buah (hasil) (Ibnu Qudamah, 1972). Wahbah al-Zuhayli menyebut, wakaf ialah menahan harta benda daripada pemilikan untuk individu tertentu dan diuruskan manfaat (harta itu) untuk pihak yang telah diwakafkan ke atasnya (*Mawquf Alaih*) (Al-Zuhayli, 1997).

Menurut pandangan ulama kontemporari Monzer Kahf, wakaf bermaksud menahan suatu harta dan memeliharanya untuk faedah tertentu serta dilarang penggunaannya dan pelupusan harta tersebut di luar daripada objektif wakaf (Kahf, 2003). Takrifan ini bersesuaian dengan konsep wakaf yang juga bermaksud kekal, iaitu terpakai kepada harta yang tidak mudah

rosak di mana manfaatnya boleh diambil tanpa merosakkan harta itu. Oleh itu, wakaf sering dikaitkan dengan tanah atau bangunan. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang terdapat juga wakaf buku, jentera pertanian, saham dan wang tunai pada masa sekarang (Kahf, 2003).

Menurut pandangan Imam Mazhab, pelbagai definisi wakaf dari sudut istilah syarak yang diberikan oleh para fuqaha dalam Islam. Berdasarkan Mazhab Hanafi, Imam Abu Hanifah menjelaskan wakaf sebagai menahan *'ain* harta yang dimiliki oleh pewakaf iaitu dengan menggunakan manfaat harta tersebut untuk tujuan kebajikan. Walau bagaimanapun, hak milik harta tersebut masih lagi menjadi hak pewakaf yang mana pewakaf masih lagi mempunyai hak sama ada untuk menjual harta wakaf tersebut dan sebagainya. Ini adalah kerana Mazhab Hanafi berpandangan harta yang diwakafkan itu hanya manfaat bukan *'ain* harta tersebut.

Abu Hanifah mensyaratkan pemilikannya akan lupus setelah pewakaf meninggal dunia atau diputuskan oleh hakim. Secara jelasnya, pengkalan harta yang telah diwakafkan tidak menjadi isu utama menurut pandangan Mazhab Hanafi.

Mazhab Maliki juga melihat wakaf sebagai satu perbuatan menahan sesuatu harta dan menggunakan manfaatnya untuk tujuan kebajikan tetapi tetap menjadi hak milik pewakaf dalam satu masa yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, pewakaf hanya boleh menggunakan harta tersebut untuk tujuan wakaf sahaja dan wakaf yang dilaksanakan itu tidak disyaratkan untuk bersifat kekal. Harta wakaf tersebut mempunyai keharusan untuk diwakafkan dalam jangka masa tertentu sahaja (*wakaf muaqqat*). Secara jelasnya, konsep wakaf daripada pandangan dua mazhab ini mempunyai persamaan iaitu tempoh wakaf tidak mempunyai kewajipan untuk kekal selamanya, pewakaf mempunyai hak untuk meletakkan syarat tertentu ke atas harta yang diwakafkan dan pewakaf tidak boleh menggunakan harta wakaf tersebut sehingga tempoh wakaf berakhir.

Sementara itu, Mazhab Shafie juga menjelaskan wakaf sebagai penahanan harta yang mempunyai manfaat yang boleh digunakan untuk tujuan yang harus tanpa menghabiskan *'ain* harta tersebut. Status harta wakaf adalah kekal yang bermaksud harta yang telah diwakafkan tidak boleh dimiliki oleh pemilik harta wakaf tersebut dan penerima wakaf hanya boleh menggunakan manfaat daripada harta tersebut sahaja.

Menurut Mazhab Hanbali, wakaf adalah menyerahkan manfaat harta kepada orang lain dan pewakaf tidak mendapat apa-apa manfaat dari harta wakaf tersebut kecuali manfaat dari harta yang diwakafkan secara umum seperti wakaf masjid, tanah, atau tempat perkuburan.

Secara ringkasnya, majoriti pandangan ulama Imam Mazhab berpandangan bahawa manfaat harta wakaf itu perlu dikekalkan dan disebar kepada (diterima oleh) masyarakat umum di mana wakaf yang dilaksanakan itu hendaklah bertujuan untuk kebaikan. Kecuali Mazhab Maliki yang berbeza pandangan yang mengharuskan pemilikan harta wakaf yang tidak bersifat kekal (sementara) dalam tempoh jangka waktu tertentu sahaja.

Sementara itu, dari segi perundangan wakaf ditakrifkan sebagai harta yang tidak boleh diperniagakan dan mempunyai tahap keselamatan yang tinggi dan diurus di bawah peruntukan Seksyen 2 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) iaitu wakaf am (Mohmood et al.2017). Enakmen Wakaf Perak (2015) memberi takrifan wakaf ertinya apa-apa harta yang boleh dinikmati faedah, manfaat atau kedua-duanya sekali untuk apa-apa tujuan khairat sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut

hukum syarak, tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208). Takrifan ini adalah sama seperti Enakmen Wakaf Negeri Melaka, 2005. Di Negeri Johor misalnya, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, mentakrifkan wakaf sebagai “pemberian yang berkekalan di atas harta atau sebahagian daripadanya oleh tuan punya harta itu kerana maksud agama mengikut hukum syarak”. Bagi Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 pula, didapati tafsiran harta yang dibuat di bawahnya lebih luas iaitu meliputi sumbangan kepakaran dan perkhidmatan sebagaimana berikut:

“wakaf” ertinya:

- a. Menyerahkan hak milik apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau kepentingannya;
- b. Menyerahkan manfaat atau kepentingan yang boleh dinikmati daripada apa-apa harta; atau
- c. Menyumbangkan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat atau kepentingannya.

Sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas, menurut hukum syarak, tetapi tidak termasuk amanah yang ditakrifkan di

bawah Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208). Enakmen Wakaf Terengganu 2016 pula memberi takrifan wakaf ialah menyerahkan hak milik apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau kepentingannya, menyerahkan manfaat, faedah atau kepentingan yang boleh dinikmati daripada apa-apa harta; atau menyumbangkan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau kepentingannya.

Rumusannya, walaupun ada beberapa perbezaan dari segi syarat aset yang diwakafkan namun terdapat dua elemen penting yang disepakati oleh takrif-takrif di atas iaitu pengkalan bentuk asal aset yang diwakafkan dan penyebaran manfaatnya kepada umum. Selain itu, terdapat juga pentakrifan yang diutarakan oleh penyelidikan kontemporari seperti pihak *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institution* (AAOIFI) yang mendefinisikan wakaf sebagai “membuat sesuatu harta yang bebas daripada apa-apa pelupusan yang boleh membawa kepada pemindahan pemilikan dan pendermaan manfaat harta atau aset tersebut kepada penerima manfaat wakaf” (AAOIFI Standard, 2010, standard 33, item 2/1, h.571).

Dalil Pensyariaan Wakaf

Di dalam Al-Quran tidak dijelaskan secara mendalam berkaitan dengan saranan dan hukum pelaksanaan wakaf. Al-Quran dan hadis yang menyatakan berkaitan wakaf kebanyakan disampaikan secara umum yang mana telah dijadikan sebagai dalil utama pelaksanaan wakaf dalam sistem ekonomi Islam.

Allah SWT telah menyebut betapa besarnya ganjaran bagi mereka yang membelanjakan harta untuk mendapat keredaanNya.

Antara dalilnya, Allah SWT telah berfirman di dalam Surah *Al-Baqarah*, ayat 261

فِي سَبَابِلِ سَبْعِ أَنْبَتٍ حَبَّةٍ كَمَثَلِ اللَّهِ سَبِيلٍ فِي أَمْوَالِهِمْ يُنْفِقُونَ الَّذِينَ مَثَلُ
عَلِيمٍ وَاسِعٍ وَاللَّهُ يَسَاءَ لِمَنْ يُضْعِفُ وَاللَّهُ حَبَّةٌ مِائَةٍ سُنْبُلَةٍ كُلِّ

“Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya lagi meliputi ilmu pengetahuanNya”

Selain itu, Surah *Al-Baqarah* ayat 262 juga menyentuh kepada pelaksanaan ibadah wakaf.

لَهُمْ أَجْرٌ وَلَا يَمُنُّونَ مَا يُنْفِقُونَ لَمْ يَنْفِقُوا مَا يَنْفِقُونَ لَا تُمْ لَكُمْ سَبِيلٌ فِي أَمْوَالِهِمْ يَنْفِقُونَ الَّذِينَ
يَحْزَنُونَ هُمْ وَلَا عَلَيْهِمْ حُوفٌ وَلَا رُؤْسٌ عَلَيْهِمْ عِنْدَ أَرْحَامِهِمْ

“Orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, kemudian mereka tidak mengiringinya apa yang mereka belanjakan itu dengan perkataan, membangkit-bangkit (pemberiannya), dan tidak pula menyinggung atau menyakiti (pihak yang diberikan), mereka akan menerima pahala dari Tuhan mereka dan mereka tidak akan khawatir dan tidak pula bersedih”.

Seterusnya dalam surah *Ali-Imran* ayat 92, Allah SWT berfirman.

عَلَيْكُمْ بِهِ اللَّهُ فَإِنْ شِئْتُمْ مِنْ نَفْسِكُمْ وَمَا تَحِبُّونَ مِمَّا نُنْفِقُوا حَتَّىٰ الْبَرِّ تَتَأَلَوْنَ

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan suatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

Menurut Imam al-Baidawi ketika mentafsirkan ayat di atas, menyatakan bahawa seseorang itu tidak akan dapat mencapai hakikat sesebuah kebaikan iaitu kesempurnaan bagi kebaikan atau tidak akan mencapai kebaikan Allah SWT iaitu rahmatNya, keredaanNya dan syurga sehinggalah seseorang itu menginfakkan sesuatu yang disayanginya daripada harta-hartanya (Tafsir al-Baidawi).

Seterusnya, di dalam surah *al-Munafiqun* ayat 10 Allah SWT berfirman tentang kepentingan dan kebaikan berinfaq yang juga sinonim dengan berwakaf.

وَأَنْفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي
إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِّنَ الصَّالِحِينَ

“Dan infakkanlah sebahagian dari apa yang telah Kami berikan kepadamu sebelum kematian datang kepada salah seorang di antara kamu; lalu dia berkata (menyesali), “Ya Tuhanku, sekiranya Engkau berkenan menunda (kematian)ku sedikit waktu lagi, maka aku dapat bersedekah dan aku akan termasuk orang-orang yang soleh.””

Selain itu, terdapat juga hadis yang merujuk kepada ayat suruhan dan saranan melakukan kebajikan dan sedekah jariah. Oleh yang demikian, wakaf ini telah menjadi satu amalan yang dianjurkan dalam Islam yang mana telah dipraktikkan sejak zaman Baginda Rasulullah SAW lagi. Dari Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda::

وعنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : "إذا مات ابن آدم انقطع عمله إلا من ثلاث: صدقة جارية، أو علم ينتفع به، أو ولد صالح يدعو له"

Terjemahan: *“Apabila mati anak Adam, akan terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak yang soleh yang mendoakannya”*

(Riyadh al-Salihin:1383)

Peristiwa Saidina Umar al-Khattab yang menyerahkan sebidang tanah baginda di Khaibar merupakan titik tolak kepada pelaksanaan amalan wakaf di dalam Islam. Seperti mana yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar di dalam hadis SAW;

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ، حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيُّ، حَدَّثَنَا ابْنُ عَوْنٍ، قَالَ
أَنْبَأَنِي نَافِعٌ، عَنِ ابْنِ عُمَرَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا - أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ، أَصَابَ
أَرْضًا بِحَبِيبَرٍ، فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا، فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ،
إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِحَبِيبَرٍ، لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطَّ أَنْفَسَ عِنْدِي مِنْهُ، فَمَا تَأْمُرُ بِهِ قَالَ
" إِنْ شِئْتَ حَبَسْتِ أَرْضَهَا، وَتَصَدَّقْتِ بِهَا ". قَالَ فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ أَنَّهُ لَا يُبَاغَ
وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ، وَتَصَدَّقَ بِهَا فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي الْقُرْبَى، وَفِي الرِّقَابِ، وَفِي
سَبِيلِ اللَّهِ، وَابْنِ السَّبِيلِ، وَالضَّيْفِ، لَا جُنَاحَ عَلَيَّ مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا
بِالْمَعْرُوفِ، وَيُطْعِمَ غَيْرَ مَتَمَوْلٍ. قَالَ فَحَدَّثْتُ بِهِ ابْنَ سَيْرِينَ فَقَالَ غَيْرَ مُتَأَثِّلٍ
بِمَالَا.

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Ibn 'Umar: Umar bin Khattab mendapat sebidang tanah di Khaibar dan dia pergi kepada Nabi (ﷺ) untuk berunding dengannya tentang hal itu sambil berkata, "Ya Rasulullah (ﷺ) saya mendapat tanah di Khaibar yang lebih baik daripada yang belum pernah saya miliki. Apa yang kamu cadangkan saya lakukan dengannya?"

Rasulullah ﷺ bersabda, “Jika kamu suka, kamu boleh mewakafkan tanah itu dan bersedekahlah hasilnya.” Maka `Umar menyedekahkannya sebagai wakaf dengan syarat tidak akan dijual atau diberikan kepada sesiapa pun sebagai hadiah dan tidak diwarisi, tetapi hasilnya akan disedekahkan kepada orang-orang miskin, kepada kerabat, untuk memerdekakan hamba kerana Allah, kepada musafir dan tetamu; dan bahawa tidak ada salahnya jika penjaga wakaf itu makan daripadanya mengikut keperluannya dengan niat yang baik, dan memberi makan orang lain tanpa menyimpannya untuk masa depan.”

(Sahih Al-Bukhari :2737)

Menurut al-Shawkani peristiwa ini menandakan bermulanya sejarah wakaf di dalam Islam (al-Shawkani, 1384H/1964) manakala menurut Ibn Hajar hadis Umar ini merupakan asas kepada hukum wakaf (Ibn Hajar al-Asqalani, t.t). Berdasarkan bukti dalil daripada Al-Quran dan hadis di atas, para ulama bersepakat bahawa amalan wakaf adalah salah satu ajaran Islam dan merupakan instrumen penting di dalam ekonomi dan kewangan Islam.

Hukum berwakaf adalah sunat *muakkad* atau amalan sunnah yang dianjurkan. Ini kerana wakaf merupakan sedekah

jariyah yang pahalanya terus mengalir meskipun orang yang mewakafkan atau waqif telah wafat (Darmawan, 2020). Walaubagaimanapun, pelaksanaan dan pengurusan harta wakaf perlulah memenuhi syarat-syarat dan prinsip-prinsip umum yang telah ditetapkan oleh syarak.

Wakaf mempunyai empat rukun iaitu pertama, orang yang mewakafkan (*waqif*). Kedua, harta yang diwakafkan (*mawquf*). Ketiga, *mawquf 'alaih* iaitu mereka yang menerima manfaat daripada *mawquf*. Keempat, pernyataan wakaf (*sighah*). Di samping itu, prinsip-prinsip wakaf yang perlu dipatuhi ialah tidak boleh dijual, tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh diwarisi. Majoriti ulama fiqh berpandangan bahawa prinsip utama dalam konsep wakaf adalah muktamad, keberkekalan dan tidak boleh dipindah milik. Dalam hal ini, fuqaha memfatwakan bahawa sesuatu harta wakaf tidak boleh berubah agar dapat memberi manfaat yang berterusan (الانتفاع دوام) kepada semua umat Islam (Wahbah al-Zuhayli, 1997).

Terdapat beberapa perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha berkaitan pelaksanaan wakaf. Perbezaan ini dipengaruhi oleh latar belakang mazhab, negara dan budaya umat Islam. Perbezaan fatwa akan menghasilkan perbezaan pentadbiran

harta wakaf dalam sesebuah negara. Antara perbezaan fatwa dalam perkara wakaf adalah *istibdal* tanah wakaf, wakaf harta alih (*manqul*) dan wakaf yang bersifat sementara (*muaqqat*) (Muhammad Asni, Sulong., 2017)

Justeru itu dapat difahami di sini bahawa pelaksanaan wakaf itu secara tidak langsung mengajar manusia untuk menjadi insan yang lebih baik iaitu dengan memiliki hati nurani yang bersih yang mana terhasil dari keikhlasan dalam melepaskan harta benda untuk menggembirakan orang lain. Melihat kepada dalil-dalil yang telah disebut di dalam Al-Quran dan hadis seperti di atas, dapat disimpulkan di sini sebarang perbuatan baik kepada orang lain amat disukai oleh Allah SWT dan mendapat ganjaran di dunia dan akhirat.

Fatwa Berkaitan Wakaf

Dalam perkara wakaf harta alih (*manqul*) dan harta tak alih (*ghair manqul*) terdapat perbezaan fatwa mengenai bentuk wakaf dan juga bentuk akhir sesuatu harta wakaf.

Fatwa di negeri Selangor, Kelantan, Pulau Pinang dan Terengganu cenderung untuk menerima dan mengekalkan

bentuk akhir wakaf dalam aset kekal sahaja. Manakala di Negeri Sembilan, Johor, Perak dan Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mengharuskan kedudukan akhir wakaf dalam bentuk harta alih (Muhammad Asni, Sulong, 2016).

Kesemua fatwa yang telah diputuskan mengikut pendapat sebahagian daripada kalangan Mazhab Hanafi, Syafi'i dan Hanbali yang mengharuskan pelaksanaan wakaf tunai sekiranya ia bersifat kekal (ta'bid) (al-Jamal, 1386H; al-Hanafi, t.t.; Kamal al-Din, 1380H) (al-Syirbini, 1997; al Syirazi, 1396H; al-Nawawi, 1423H; al-Mardawi, 1419H; al-Maqdisi, t.t). Mereka mensyaratkan sesuatu harta itu hendaklah bersifat kekal untuk menjadikannya sah sebagai harta wakaf. Oleh itu, sekiranya wang daripada harta wakaf itu kekal dan boleh dimanfaatkan atau boleh digantikan sebagaimana nilainya yang asal apabila digunakan, atau pun wang wakaf itu dilaburkan sehingga boleh diinfakkan keuntungannya tanpa menjejaskan modalnya, maka tiada masalah. Ini kerana, wang tersebut dapat kekal nilaiannya dan memberi manfaat berterusan.

Fatwa negeri Selangor, Kelantan dan Terengganu yang mensyaratkan agar wakaf tunai hendaklah ditukarkan kepada bentuk aset kekal berhujah supaya ia memenuhi syarat kekal

(ta'bid). Hal ini kerana majoriti fuqaha' Mazhab Syafi'i dan fuqaha' Mazhab Hanbali tidak membenarkan wakaf dinar dan dirham kerana sifat harta itu tidak kekal (al-Syirbini, 1997; al-Syirazi, 1396H; al-Mardawi, 1419H; al-Maqdisi, t.t.). Manakala badan fatwa semasa seperti Majma' Fiqh Islami menerima wakaf tunai sebagai harta wakaf.

Jenis-Jenis Wakaf

Terdapat beberapa jenis wakaf utama yang telah dinyatakan oleh sarjana-sarjana Islam yang mana setiap jenis wakaf tersebut diklasifikasikan mengikut negara yang berbeza. Di Syria dan Iraq, jenis wakaf terbahagi kepada 3 jenis iaitu Wakaf Zurri (*Dhurri*), Wakaf Khairi (*Khayri*), dan Wakaf Musytarak.

Wakaf Zurri juga dikenali sebagai wakaf ahli iaitu dikhususkan manfaatnya untuk kebajikan dan kepentingan ahli keluarga atau keturunan pewakaf sahaja sebagaimana yang ditentukan oleh pewakaf sendiri.

Manakala Wakaf Khairi juga dikenali sebagai wakaf kebajikan dimana ianya dilakukan semata-mata bagi tujuan kebajikan dan kepentingan maslahat awam. Wakaf Khairi terbahagi kepada dua kategori iaitu wakaf am dan wakaf khas.

Wakaf am atau wakaf umum diertikan sebagai suatu wakaf yang diwujudkan bagi maksud khairat umum yang diharuskan oleh syarak, seperti untuk kegunaan keagamaan atau pembangunan ekonomi umat Islam atau sebagainya. Dalam konteks ini, pemegang amanah wakaf tersebut boleh membangunkannya dengan sebarang aktiviti patuh syarak yang mendatangkan hasil atau manfaat dengan sebaik mungkin tanpa terikat dengan jenis kebajikan atau bentuk pembangunan tertentu, manakala manfaatnya pula boleh diagihkan kepada apa juga bentuk kebajikan yang mana pahalanya dapat berterusan kepada pewakaf.

Bagi wakaf khas atau wakaf khusus pula diertikan sebagai suatu wakaf yang diwujudkan bagi maksud khairat tertentu yang diharuskan oleh syarak, seperti untuk pembinaan madrasah atau rumah anak yatim atau sebagainya. Dalam konteks ini, pemegang amanah wakaf tersebut perlu membangunkannya sebagaimana menurut *sighah* pewakaf sahaja. Manakala manfaatnya juga perlu diagihkan sebagaimana yang dihasratkan oleh pewakaf tersebut.

Wakaf *Musytarak* pula ialah wakaf campuran antara Wakaf Khairi dan Wakaf Zurri. Wakaf Musytarak yang ditujukan sebahagian manfaatnya kepada ahli atau keluarga dan sebahagiannya untuk masyarakat umum. Contohnya, wakaf tanah pertanian di mana sebahagian daripada hasilnya ditujukan untuk anak cucu sementara sebahagian lagi untuk tujuan umum. Wakaf Musytarak ini termasuklah wakaf yang diwujudkan melalui *istibdal* dan saham wakaf (Borham, 2011).

Manakala di Mesir terdapat dua jenis wakaf iaitu Wakaf Khairi dan Wakaf Ahli. Di Malaysia, wakaf terbahagi kepada dua kategori yang utama iaitu Wakaf Am dan Wakaf Khas. Wakaf Am dan Wakaf Khas ini juga secara umumnya termasuk dalam kategori Wakaf Khairi iaitu wakaf yang dilaksanakan untuk tujuan kebaikan (Al-Qudha, 2011).

Wakaf Khairi ini terbahagi kepada dua iaitu Wakaf Am dan Wakaf Khas seperti mana yang telah dijelaskan di atas. Wakaf Am bermaksud wakaf yang dibuat secara umum tanpa sebarang pengkhususan. Ianya boleh diaplikasi untuk kemaslahatan umum dan pembangunan agama Islam. Manakala manfaat Wakaf Khas berfungsi hanya kepada perkara atau individu yang telah dikhususkan sahaja seperti tanah yang diwakafkan untuk

perkuburan, masjid, madrasah dan hospital.

Manakala Wakaf Zurri yang juga dikenali dengan Wakaf Ahli iaitu wakaf yang ditujukan kepada ahli yang khusus sahaja sama ada ahli keluarga pewakaf atau orang lain. Secara umumnya, wakaf ini sebenarnya di aplikasi kepada ahli keluarga pewakaf sahaja. Dalam situasi Wakaf Zurri ini, pewakaf telah menyediakan bantuan atau harta yang khusus kepada ahli waris supaya hidup mereka tidak terbeban dan pewakaf perlu menyebut secara jelas dan khusus setiap ahli keluarga yang terlibat dalam pemberian wakaf ini. Manakala, Wakaf Irsyad pula bermaksud wakaf yang telah dikhususkan untuk pihak pemerintah atau badan-badan organisasi yang tertentu dan Wakaf Musytarak pula merupakan wakaf yang dituju kepada ahli keluarga dan sebahagiannya kepada masyarakat umum (Muhamad Don, 2019).

Selain itu, di Malaysia terdapat juga wakaf kontemporari yang mana lebih praktikal untuk dilaksanakan seperti wakaf tunai. Wakaf tunai berfungsi sebagai salah satu platform untuk menggalakkan umat Islam melakukan aktiviti wakaf secara pantas, cekap dan menyenangkan. Wakaf tunai ini dilaksanakan dengan menggunakan perantaraan wang tunai yang dikumpulkan oleh nazir atau mutawalli yang telah

diamanahkan untuk menguruskan wang ini bagi tujuan kebaikan dan pembangunan umat Islam.

Secara ringkas, wakaf tunai merupakan sumbangan dalam bentuk wang dengan niat mewakafkan wang tersebut untuk sebarang aktiviti yang boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi umat Islam seperti wakaf saham, wakaf kaki, dan wakaf korporat (Razali, 2013). Wakaf pertama yang telah dilaksanakan dalam sejarah Islam ialah pewakafan tanah untuk pembinaan sebuah masjid yang dikenali hingga ke hari ini iaitu Masjid Quba' di Madinah. Selain itu, antara tanah wakaf yang masih kekal hingga ke hari ini seperti Universiti al-Azhar di Mesir, Universiti Cordova di Sepanyol dan Hospital al-Noori di Dimashq (Ab Latiff, Daud & Ismail, 2008).

Di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan harta wakaf. Antara harta wakaf yang telah digunakan dan dibangunkan adalah seperti pembelian premis perniagaan di beberapa tempat di negeri Selangor oleh Perbadanan Wakaf Selangor, pusat-pusat pengajian Islam berteraskan wakaf seperti Madrasah Al-Attas di Pekan, Pahang, Maktab Mahmud di Alor Setar, Kedah, Maahad Al-Yahyawiah di Padang Rengas, Perak, Kolej

Islam Sultan Alam Shah di Klang, Selangor (Syed, 2010). Manakala terdapat Hospital Waqaf An-Nur di Pasir Gudang yang kendalikan oleh Syarikat WANCorp iaitu anak syarikat milik Johor Corporation Berhad (Muhamad Don, 2019) dan beberapa projek pembangunan tanah wakaf istibdal di negeri Johor seperti projek pembangunan Kampung Tersusun di Kampung Paya, Mukim Layang- layang Kluang. Begitu juga projek lebuh raya yang dikenali dengan Eastern Pisperseal Link (EPL), projek menaik taraf jalan raya di Mukim Pletong, Johor Bahru dan Projek Minyak & Gas di Mukim Pengerang, Kota Tinggi (Noor, Hasbullah, and Ahmad, 2019).

Wakaf di Universiti Awam

Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) melalui *University Transformation Programme* (UniTP) telah menggalakkan universiti awam untuk menubuhkan tabung endowmen dan wakaf yang dilihat sebagai salah satu instrumen penjaanaan pendapatan seperti yang terdapat *University Transformation Programme Green* di dalam UniTP, KPT. Dana wakaf dilihat sebagai salah satu agenda penting untuk penjaanaan

ekonomi universiti awam (Mashitah, Asmak & Ahad, 2018). KPT juga telah mengeluarkan buku panduan "*Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf* (UniTP Purple Book, 2016) bagi memberikan garis panduan kepada universiti awam dalam membangunkan serta menguruskan dana wakaf dan endowmen di peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT).

Melihat kepada potensi wakaf dalam pendidikan, terdapat beberapa universiti swasta yang telah melaksanakan wakaf di institusi pengajian antaranya ialah Universiti Antarabangsa Al-Bukhary (AiU) di Kedah yang merupakan contoh institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia yang dibiayai oleh dana manfaat wakaf sepenuhnya. AiU didirikan berasaskan pembiayaan yayasan Universiti Antarabangsa Al-Bukhary yang telah ditubuhkan pada tahun 1996 oleh Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary. Pihak pentadbiran universiti tidak mengenakan sebarang yuran kepada pelajarannya kerana segala kos pengajian termasuklah kos makanan dan penginapan dibiayai sepenuhnya oleh pihak Yayasan Al-Bukhary (Muhammad Husni Hasbulah, Mohd Zaidi Daud dan Mohammad Taquiuddin Mohamad, 2015).

Selain itu, Pondok Moden Darussalam Gontor (PMDG), Indonesia telah memperkenalkan konsep wakaf produktif bagi pengembangan harta wakaf pendidikan. PMDG telah berjaya mengamalkan konsep wakaf untuk kelestarian kewangan institusi pendidikan mereka (Hilmiyah, 2013).

Universiti Fatoni yang berada di wilayah Pattani Selatan Thailand telah ditubuhkan menggunakan konsep sumbangan wakaf. Universiti Fatoni yang terletak bersempadan dengan wilayah Yala, menerima wakaf daripada masyarakat Islam seluruh dunia khususnya dari negara Islam di Asia Barat sehingga berjaya didirikan (Hussin, 2016)

Seiring dengan hasrat tersebut, beberapa universiti awam telah memperkenalkan skim wakaf di peringkat universiti masing-masing. Ini kerana, universiti awam di Malaysia disarankan mencari alternatif untuk mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan seperti yang disyorkan oleh KPT di dalam buku panduan UniTP *Purple Book* yang mana wakaf dilihat sebagai salah satu instrumen dan alternatif ke arah kemandirian kewangan dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia (Hussin & Rashid, 2018). Terdapat 19 universiti awam mula mengorak langkah dalam melaksanakan kutipan dana

wakaf di institusi masing-masing (rujuk Jadual 2.1). Melalui dana wakaf, universiti awam berupaya menjana keuntungan yang lebih mampan. Perlaksanaan wakaf di institusi pendidikan tinggi telah dilaksanakan di beberapa buah universiti terkemuka di negara-negara seperti Mesir, Turki, Bangladesh, Pakistan, Indonesia, Singapura dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah dalam usaha untuk merealisasikan objektif ini iaitu kekurangan model tadbir urus wakaf yang mampan dan sesuai untuk diadaptasi bagi mengurus kutipan dana wakaf yang diterima. Pembentukan model tadbir urus wakaf yang efektif adalah sangat penting kerana dana wakaf yang diurus tadbir secara sistematik akan melancarkan proses pembangunan dan pentadbiran universiti awam serta meringankan beban kewangan kerajaan (Don, 2016). Persoalan utama yang perlu dijelaskan disini ialah, adakah terdapat model amalan tadbir urus wakaf dalam usaha untuk membantu pihak universiti dalam mentadbir dan menguruskan wakaf di universiti awam? Bagi menjawab persoalan ini, buku ini diwujudkan untuk meneroka dan menganalisa model amalan tadbir urus wakaf di universiti awam yang terpilih dalam membentuk satu model tadbir urus wakaf yang lebih ideal di universiti awam.

Jadual 2.1: Senarai Pusat Wakaf di Universiti Awam di Malaysia

Bil.	Institusi Pengajian Tinggi	Tahun Penubuhan
1.	UIAM - IIUM Endowment Fund (IEF)	1999
2.	UPM - Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN)	2002
3.	UKM – Yayasan Canselor UKM	2011
4.	UTEM - Pusat Strategik Penjanaan Pendapatan, Pejabat Bendahari	2012
5.	USIM - Pusat Wakaf dan Zakat	2013
6.	UMT – Seksyen Zakat, Wakaf dan Infaq (ZAWIN), Pusat Islam Sultan Mahmud.	2014
7.	UNIMAP - Pusat Keusahawanan, Jaringan Industri dan Masyarakat (CEICnet)	2016
8.	UM - Wakaf Universiti Malaya, Bahagian Pengurusan Dana & Kawalan Kredit, Jabatan Bendahari UM	2016
9.	UTM - Pejabat Wakaf UTM	2016
10.	UMK - Bahagian Pengurusan, Pembangunan Wakaf dan Zakat	2016
11.	UMP - Yayasan UMP	2016
12.	UTHM - Pusat Wakaf dan Zakat	2016
13.	UNISZA - Pejabat Wakaf dan Endowmen UniSZA	2017
14.	UPNM - Pusat Pengurusan Wakaf	2017
15.	UUM - Bahagian Zakat Wakaf dan Endowmen	2018
16.	USM - Pusat Islam Universiti	2019
17.	UiTM - Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf.	2019
18.	UMS - Pusat Pelaburan, Endowmen dan Wakaf (CIEW)	2020
19.	UPSI - WEZAS (Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat & Sedekah)	2020


BAB 3

TADBIR URUS WAKAF

Pengenalan

Operasi pengurusan merupakan kayu ukur kepada kecekapan dan keberkesanan sesebuah organisasi ataupun institusi. Kegagalan dalam pengurusan akan memberi kesan negatif terhadap hala tuju sesebuah organisasi tersebut. Oleh itu, adalah amat penting bagi institusi wakaf untuk memastikan objektifnya tercapai dalam memenuhi keperluan sosial masyarakat. Matlamat dan objektif yang telah digariskan oleh organisasi tidak akan dapat dicapai dengan mudah sekiranya tiada sistem ataupun mekanisme bagi mengawal operasi dalam organisasi tersebut. Oleh itu, amalan kawalan dalaman adalah diperlukan bagi melancarkan tadbir urus di samping mencapai matlamat yang disasarkan oleh institusi wakaf. Tadbir Urus merujuk kepada suatu sistem di mana sesebuah organisasi diurus dan dikawal selia.

Dalam tadbir urus yang bercirikan Islam, akauntabiliti bukan hanya bersifat horizontal (sesama manusia) namun juga bersifat vertikal (dengan Tuhan). Hal ini menunjukkan akauntabiliti pelaksanaan tadbir urus bercirikan Islam merangkumi cakupan yang lebih luas. Pasukan pengurusan organisasi atau institusi yang menjalankan urusan tadbir urus sebagai suatu amanah berteraskan nilai-nilai Islam yang dikenali dengan *Itqan* (kehematan, berpengetahuan dan melakukan sesuatu dengan bersungguh), *Ikhlas* (keikhlasan), *Amanah* (kejujuran), ketelusan dan efisien.



Rajah 3.1: Hubungan horizontal dan vertikal manusia dan Allah SWT

Dalam konteks Malaysia, tadbir urus dan segala perihal yang berkaitan dengan institusi wakaf berada di bawah kuasa MAIN

yang juga bertindak sebagai pemegang amanah tunggal. Namun, terdapat beberapa negeri yang melantik badan khas bagi menguruskan wakaf seperti penubuhan Wakaf Perak Ar-Ridzuan bagi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) dan juga Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) bagi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Tadbir urus wakaf bagi setiap negeri adalah berbeza mengikut perundangan negeri masing-masing terutamanya berkaitan pengurusan tanah wakaf.

Definisi Tadbir Urus

Tadbir urus secara literal boleh ditafsirkan sebagai proses berkaitan membuat keputusan dan melaksanakan atau tidak melaksanakan keputusan tersebut. Istilah ini boleh digunakan dalam pelbagai konteks, contohnya tadbir urus korporat, tadbir urus antarabangsa, tadbir urus kebangsaan dan sebagainya (Yap Kioe Sheng, t.t). Tadbir urus dalam bahasa Arab bermaksud *al-hakimiyah*. Istilah ini bererti mengenal pasti tahap sosial yang lebih tinggi serta meliputi kesemua struktur pengambilan keputusan dan kuasa yang perlu dipertanggungjawabkan (Khatab, 2012). Tadbir urus yang baik membolehkan sesebuah organisasi bergerak dengan lebih cekap. Islam menegaskan keadilan sebagai kesaksamaan, tidak berlaku diskriminasi bagi

memastikan keseimbangan dan keharmonian dalam setiap aspek kehidupan. Di Malaysia, tadbir urus institusi wakaf terikat di bawah kuasa MAIN yang termaktub dalam Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri yang berlainan.

Tujuan pelantikan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf ini adalah untuk memastikan wakaf diurus dan ditadbir dengan baik, efisien sehingga dapat menjana hasil dan dapat dimanfaatkan oleh benefisiarinya atau bagi tujuan-tujuan kebajikan, sama ada telah ditentukan atau tidak ditentukan oleh pewakaf. Apa yang penting sekali adalah untuk mengelakkan daripada pelbagai masalah yang timbul melalui pelantikan pemegang amanah persendirian yang tidak amanah serta campur tangan ahli waris yang boleh menyebabkan kehilangan harta dan status wakaf yang seterusnya menyimpang daripada tujuan asalnya dan bertentangan pula dengan prinsip undang-undang (Siti Mashitoh, 2005).

Berdasarkan kepada perkara tersebut, setiap MAIN bertanggungjawab menguruskan harta wakaf yang telah didaftarkan di negeri masing-masing, sama ada Wakaf Am atau Wakaf Khas yang meliputi harta wakaf alih dan tidak alih.

Dalam masa yang sama MAIN bertindak sebagai pemegang amanah tunggal kepada harta wakaf tersebut. Tadbir urus wakaf ini melibatkan dua peringkat pengurusan iaitu peringkat pertama meliputi perancangan dalam melihat bagaimana harta wakaf boleh dirancang, dikembangkan serta menghasilkan manfaat kepada masyarakat manakala peringkat kedua pula, pihak pengurusan lebih menumpukan kepada amalan pengurusan harta wakaf tersebut.

Dalam konteks tadbir urus wakaf pendidikan, UA berperanan sebagai *mutawalli* serta pihak penerima wakaf dan pelantikan ini akan dilakukan oleh pihak MAIN. Oleh itu, UA tersebut mempunyai peranan dalam pengurusan dan pembangunan dana wakaf. Di samping itu, pihak UA juga boleh melantik badan korporat untuk membantu pengurusan tersebut dan membuat pemantauan agar perjalanan wakaf tersebut mengikut apa yang telah diniatkan oleh pewakaf. Urusan tadbir urus wakaf ini penting kerana ia merangkumi aspek kecukupan kakitangan serta keahlian kakitangan dalam pengurusan, kefahaman pengurusnya berkaitan wakaf, kemudahan dalam pengurusan seperti penggunaan teknologi terkini, penyimpanan data mengenai wakaf, pelaporan perkembangan harta wakaf dan sebagainya (Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda, 2014).

Keentingan Tadbir Urus Wakaf

Keentingan Tadbir Urus Wakaf ialah :

- a) Meningkatkan lagi kredibiliti pihak pengurusan wakaf sebagai pemegang amanah harta wakaf. Ia juga penting dalam menjadikan sesuatu institusi wakaf sebagai tanda aras dan contoh kepada pusat wakaf yang lain dalam meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan wakaf dalam pentadbiran mereka.
- b) Memastikan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan serta dapat memenuhi keperluan pihak berkepentingan, '*valued for money*' dan tiada pembaziran sumber berlaku.
- c) Memastikan *Maqasid* Syariah dalam wakaf dapat dipenuhi dengan sebaik-baiknya.
- d) Mewujudkan kakitangan pentadbiran wakaf yang cekap iaitu berkemampuan dan berkemahiran dalam melaksanakan urusan yang diamanahkan.

Ciri-ciri Tadbir Urus yang baik

Secara asasnya tadbir urus wakaf mestilah digerakkan oleh kakitangan yang cekap, mempunyai imej yang bersih, pelan strategik yang lestari, mempunyai prosedur, tatacara dan garis panduan yang lengkap serta sistem penyampaian yang berkesan seperti berikut :

- a) Kakitangan yang cekap- Pentadbiran wakaf perlu diurus oleh kakitangan yang cekap iaitu berkemampuan dan berkemahiran dalam melaksanakan sesuatu urusan yang berkaitan.
- b) Imej yang bersih – Kakitangan atau pegawai yang menguruskan wakaf mestilah memiliki imej yang bersih dan tidak dicemari oleh sebarang isu penyelewengan atau salah laku dalam pelaksanaan tadbir urus.
- c) Pelan strategik yang lestari- Pelan pembangunan wakaf yang strategik dan lestari perlu dibangunkan dalam memastikan pemasaran dan pengurusan wakaf dapat dioptimumkan perlaksanaannya.
- d) Prosedur, tatacara dan garis panduan yang lengkap – Segala bentuk dokumen panduan perlu dibangunkan

dengan lengkap dan jelas untuk menggerakkan segala sumber, bakat dan aset ke arah tadbir urus yang cemerlang.

e) Kaedah penyampaian yang berkesan- Kaedah penyampaian yang berkesan adalah amat penting kepada semua peringkat dan lapisan masyarakat agar mesej wakaf dapat difahami dengan jelas dan dihayati sebaik mungkin, khususnya dalam kalangan pemegang taruh sesuatu institusi merangkumi pengurusan tertinggi, kakitangan, pelajar, pesara, alumni dan masyarakat umum.

Pentadbir Wakaf

Pentadbir wakaf mestilah mempunyai kewibawaan dan syarat-syarat yang sesuai dengan tugasnya yang mulia. Setiap pentadbir wakaf perlu kompeten dan bersifat amanah, jujur, telus dan berdedikasi. Tanpa adanya sifat-sifat tersebut, sudah tentunya akan menjejaskan hak penerima wakaf dan akan menghilangkan kepercayaan orang ramai terhadap institusi wakaf serta mengundang natijah yang negatif.

Rasulullah SAW telah memberikan amaran yang keras terhadap pentadbir yang tidak amanah dalam sabdanya yang bermaksud :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا ضَيَّعْتَ
الْأَمَانَةَ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ قَالَ كَيْفَ إِضَاعَتُهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ إِذَا أُسْنِدَ الْأَمْرُ إِلَى
غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ

“Apabila amanah disia-siakan, maka tunggulah saat kehancuran (Kiamat), lalu seseorang bertanya : Wahai Rasulullah SAW, bagaimanakah maksud amanah disia-siakan? Baginda menjawab Apabila sesuatu urusan itu dikendalikan oleh orang yang bukan ahlinya”

(Riwayat Al-Bukhari, no hadis: 6015)

1. Al-Mutawalli

Di dalam Islam seseorang yang dilantik untuk mentadbir harta wakaf atau pemegang amanah dikenali sebagai “*al-Mutawalli*” (Al-Baghdadi, 1999). Al-Mutawalli adalah terdiri daripada orang atau badan yang mempunyai kemampuan, amanah dan berupaya melaksanakan apa yang dihajati oleh pewakaf (Al-Haskafi, t.t). Seseorang yang akan dilantik sebagai *al-mutawalli* perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh Islam iaitu beragama Islam, berakal, baligh, adil, boleh

dipercayai dan mampu mengurus serta menyelenggarakan urusan-urusan berkaitan wakaf. Secara yang lebih khusus, beliau hendaklah terdiri daripada seseorang yang memiliki ilmu pengetahuan berkaitan pengurusan wakaf, memiliki sifat bertanggungjawab dan sihat dari aspek fizikal dan mental. Sekiranya terdapat kekurangan daripada syarat-syarat yang dinyatakan, pihak berkuasa boleh menarik balik tugasnya dan berhak menggantikannya dengan orang lain yang lebih berkemampuan.

Tugas-tugas utama *al-mutawalli* adalah menjaga dan memelihara serta membangunkan tanah yang diwakafkan supaya produktif, mengutip hasil daripada tanah wakaf dan seterusnya mengagihkan hasil kepada benefisiarinya yang berhak serta memeliharanya dengan sebaik mungkin daripada sebarang kehilangan dan kerosakan, sebagaimana yang disyaratkan oleh pewakaf (Al-Nawawi, 2000; Al-Syarbini, 1994).

Antara tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh pengurus harta wakaf (*al-Mutawalli*) ialah (al-Ramli, 1967):

- i. Menguruskan hal ehwal berkaitan wakaf termasuklah pendaftaran, pengumpulan data, pembangunan, penyewaan, pengutipan hasil dan mengagihkan hasil kepada mereka

yang berhak, menyimpan sumber dan hasil sebagai simpanan serta tugas-tugas lain.

- ii. Menggunakan kepakaran dan kebijaksanaan untuk mengembang, menambah dan memajukan lagi harta dan hasil-hasil wakaf. Pengurus wakaf perlu mengadakan satu jawatankuasa yang terdiri daripada pakar-pakar dalam pelbagai bidang agar perancangan dan tindakan yang diambil kelak benar-benar mendatangkan faedah.
- iii. Sentiasa bersifat sabar, berwaspada dan teliti ketika menjalankan tugas, lebih-lebih lagi ketika berhadapan dengan pelbagai cabaran dan masalah.

Dalam menjalankan tugas sebagai pemegang amanah, *al-Mutawalli* hendaklah melaksanakan empat tanggungjawab asas iaitu:

- a) Memelihara dan menjaga harta wakaf
- b) Melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kebaikan kepada pembangunan harta wakaf
- c) Menerima hasil pembangunan dan pelaburan harta wakaf; dan
- d) Mengagihkan hasil harta wakaf kepada pihak yang

berhak menerimanya.

Di samping itu, pentadbir wakaf (*al-Mutawalli*) mempunyai hak dan kuasa penuh untuk:

- a) Mengurus dan memantau harta wakaf di bawah kawalannya tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh pewakaf (*al-Waqif*) iaitu sifat asal harta wakaf tidak boleh ditukar kecuali kepada perkara-perkara yang diizinkan oleh Syarak;
- b) Menggunakan pendapatan harta wakaf yang baharu untuk menambah harta wakaf yang sedia ada; dan
- c) Melantik kakitangan yang bersesuaian untuk melaksanakan pembangunan harta wakaf.

Secara dasarnya, setiap tindakan pentadbir wakaf hendaklah berasaskan kepada sistem syura, kepakaran dan kebijaksanaan agar tiada kebarangkalian kerugian, di samping dapat memastikan hasil pulangan yang maksima.

Merujuk kepada Enakmen MAIN, MAIN adalah Pemegang Amanah Tunggal bagi kesemua harta wakaf, termasuk Wakaf Am atau Wakaf Khas, bagi semua Nazar Am dan jenis amanah yang menjadi Amanah Khairat kerana bantuan dan

kemajuan Islam dan faedah bagi orang-orang Islam mengikut hukum syarak. Dari segi perundangannya, walaupun badan ini dianggap sebagai badan yang menjadi pemegang harta amanah wakaf, namun ia tidak bermakna semua tanah wakaf adalah menjadi milik mutlak MAIN. Dalam proses membuat keputusan, MAIN berhak untuk membuat perjanjian, membeli, mengambil, memegang dan memiliki harta sama ada harta alih atau tak alih untuk menukar, memindah dan membangun segala harta yang terserah milik kepada MAIN mengikut mana-mana peraturan yang tersedia ada menurut hukum syarak. Peraturan ini memberi kuasa kepada MAIN untuk melaksana dan membangun harta wakaf yang ditadbir oleh MAIN.

MAIN secara keseluruhannya berhak menjalankan segala aktiviti pembangunan ke arah kemajuan ekonomi yang difikirkan perlu dan segala faedah daripada harta wakaf tersebut dapat diagihkan. MAIN juga boleh melibatkan usaha sama dalam memajukan mana-mana aktiviti, sama ada dijalankan oleh lain-lain badan, atau orang, atau sama ada di bawah kelolaan atau secara persendirian dengan memberi bantuan kepada mereka yang dilihat oleh MAIN layak untuk menjalankan segala aktiviti. Bagi meningkatkan lagi pendapatan, MAIN berhak menjalankan

aktiviti secara usaha sama dengan badan lain sama ada daripada perbadanan, kerajaan atau swasta (Enakmen MAIN).

Setiap tindakan pengurus wakaf (*al-Mutawalli*) hendaklah menggunakan kepakaran dan kebijaksanaan yang ada bagi memastikan pulangan yang optima dapat dihasilkan. Ini kerana segala pergerakan, pembangunan dan perubahan yang dibuat akan dinilai oleh pihak yang melantiknya dan masyarakat amnya. Di Malaysia, peranan ini telah dipertanggungjawab dan dilaksanakan oleh MAIN. Berdasarkan kepentingan pengurusan harta wakaf yang lebih berkesan, peranan *al-Mutawalli* pada hari ini bukan terhenti setakat MAIN sebagai pemegang amanah tunggal yang menjadi *al-Mutawalli* induk, malah ia memerlukan juga kepada *al-Mutawalli* cabang yang menjalankan pengurusan harta wakaf bagi pihak MAIN. Mengulas hal ini, Ab. Rahman (2009) menyatakan MAIN boleh melantik mana-mana pihak untuk menjalankan tugas bagi pihaknya seperti memasukkan dalam skop tugas nazir dan jawatankuasa kariah.


2. Nazir

Al-Nazir bermaksud penyelia, penjaga, pengurus dan pentadbir (Ibn Manzur, 1990). Ia merupakan satu gelaran khusus yang muncul pada zaman sahabat khususnya zaman Khalifah Umar al-Khattab untuk pengurus harta wakaf. Selain gelaran *al-Nazir*, ia juga turut dipanggil dengan *al-Mutawalli*, *al-Mudir*, *al-Wali* dan *'Amil al-waqf dan Qayyim*. Dari sudut istilah, para fuqaha' menakrifkan nazir adalah seseorang yang berkuasa terhadap seluruh hal ehwal wakaf, berperanan sebagai wakil pewakaf dan wasiatnya setelah dia meninggal dunia (Ibn 'Abidin, 1966). Selain itu, pihak wakil atau agen yang dikenali sebagai *qayyim* juga boleh dilantik bagi melaksanakan sesuatu tugas wakaf. *Al-Nazir* yang dilantik perlu memenuhi syarat asas iaitu adil, berkemampuan dan Muslim. Adil ini merujuk kepada konsistensi individu dalam melaksanakan perkara yang dituntut agama dan menghindari perkara yang menjadi laranganNya (Wahbah al-Zuhayl 1997). Berkemampuan pula ialah kapasiti *al-Nazir* dalam melaksanakan tanggungjawab meliputi kemahiran pengurusan. Ia juga diikat dengan syarat 'aqil (waras akal) dan baligh. Kemahiran ini tidak dibatasi oleh jantina tertentu, malah Saidina Umar al-Khattab sendiri

menyerahkan urusan wakaf kepada anaknya, Hafsah selepas kematiannya.

Ikrimah Sa'id Sobry (2011) menyatakan, kerja pengurusan bagi *al-Nazir* ini termasuklah menjaga, membaik pulih, menyelenggara, membangun, mengurus hasil, mengagih kepada penerima wakaf dan segala bentuk kerja dan usaha yang mampu mengekalkan sumber harta wakaf dan meningkatkan penghasilan manfaatnya kepada penerima. Antara tugas lain *al-Nazir* ialah memenuhi tuntutan dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pewakaf terhadap pengurusan harta wakaf tersebut. Selagi sesuatu syarat itu selari dengan syarak dan masalah, ia perlu dilaksanakan.

Pelantikan *al-Nazir* adalah berdasarkan pilihan dan kehendak pewakaf sendiri sama ada dalam kalangan ahli keluarga atau orang lain (al-Jurjani, 2008). Dalam konteks Malaysia hari ini, sesebuah institusi rasmi wakaf akan beroperasi sama ada sebagai lembaga, perbadanan, syarikat atau jabatan di bawah MAIN dan ia tertakluk dengan pelbagai akta dan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan status penubuhan, operasi dan pentadbiran, bidang kuasa dan sebagainya.



MAIN perlu mewujudkan suatu kaedah yang jelas dan mudah dalam pentadbiran wakaf yang sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa, bagi memberi kemudahan kepada pentadbir wakaf dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Dalam konsep tadbir urus ini, fokus perlu diberikan kepada persoalan berkaitan tanggungjawab, akauntabiliti, ketelusan, kesepakatan dan juga kepimpinan. Hal ini amat penting bagi memastikan setiap individu yang terlibat dalam pelaksanaan tadbir urus wakaf dapat menjalankan tugas masing-masing dengan teratur dan tidak menyalahgunakan kuasa yang ada demi kepentingan peribadi mereka.

Jadual 3.1: Status Hak Mutawalli mengikut Universiti Awam

Bil.	Institusi Pengajian Tinggi	Tahun Penubuhan
1.	UIAM - IIUM Endowment Fund (IEF)	1999
2.	UPM - Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN)	2002
3.	UKM – Yayasan Canselor UKM	2011
4.	UTEM - Pusat Strategik Penjanaan Pendapatan, Pejabat Bendahari	2012
5.	USIM - Pusat Wakaf dan Zakat	2013
6.	UMT – Seksyen Zakat, Wakaf dan Infaq (ZAWIN), Pusat Islam Sultan Mahmud.	2014
7.	UNIMAP - Pusat Keusahawanan, Jaringan Industri dan Masyarakat (CEICnet)	2016
8.	UM - Wakaf Universiti Malaya, Bahagian Pengurusan Dana & Kawalan Kredit, Jabatan Bendahari UM	2016
9.	UTM - Pejabat Wakaf UTM	2016
10.	UMK - Bahagian Pengurusan, Pembangunan Wakaf dan Zakat	2016
11.	UMP - Yayasan UMP	2016
12.	UTHM - Pusat Wakaf dan Zakat	2016
13.	UNISZA - Pejabat Wakaf dan Endowmen UniSZA	2017
14.	UPNM - Pusat Pengurusan Wakaf	2017
15.	UUM - Bahagian Zakat Wakaf dan Endowmen	2018
16.	USM - Pusat Islam Universiti	2019
17.	UiTM - Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf.	2019
18.	UMS - Pusat Pelaburan, Endowmen dan Wakaf (CIEW)	2020
19.	UPSI - WEZAS (Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat & Sedekah)	2020

BAB 4

PELAKSANAAN TADBIR URUS WAKAF DI UNIVERSITI AWAM

Tadbir Urus Wakaf di Universiti Awam

Tadbir urus yang efisien dan mampan merupakan pemangkin kepada pengurusan dan pentadbiran wakaf yang lebih sistematik dan cekap. Ini kerana sistem tadbir urus memainkan peranan yang amat penting dalam memperkasakan wakaf di UA. Tadbir urus wakaf bagi sesebuah universiti awam berbeza kerana setiap universiti dipantau oleh MAIN yang berbeza. Berikut merupakan sepuluh (10) corak pelaksanaan tadbir urus wakaf bagi universiti awam di Malaysia.

Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), UPM

Wakaf di UPM telah wujud pada tahun 2002 dan diletakkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP). Penjenamaan semula

wakaf di UPM telah dilaksanakan dengan diberikan nama baharu iaitu Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN). WAZAN secara rasminya telah ditubuhkan pada Oktober 2016 iaitu singkatan daripada Wakaf, Zakat dan Endowmen ataupun yang membawa maksud neraca atau alat penimbang.

Penubuhan WAZAN adalah berteraskan kepada lima prinsip utama iaitu Ihsan, Hikmah, Adil, Keseimbangan dan Kecemerlangan. Terdapat tujuh belas (17) orang staf di bawah pengurusan WAZAN diketuai oleh Pengarah WAZAN. Aspek pengurusan di WAZAN lebih berfokus dan terarah apabila berdiri sebagai satu pusat tanggungjawab (PTJ) berasingan yang bersifat *philanthropy*. Antara objektif utama penubuhan WAZAN adalah membudayakan, mendidik dan membangunkan budaya berwakaf di dalam UPM khususnya. Dengan tema “WAZAN Di Hati”, ia dapat memupuk amalan berwakaf dalam kalangan warga UPM dan merapatkan hubungan antara warga UPM dan WAZAN. Malah WAZAN juga dapat meningkatkan kepercayaan warga UPM terhadap WAZAN melalui kesedaran jenama (*brand awareness*), imej jenama (*brand image*), tindak balas jenama (*brand responses*) dan hubungan jenama (*brand relationship*) disamping mempunyai infrastruktur yang berkualiti

termasuklah sistem dan *database* yang digunakan. Dari segi pelaksanaan tadbir urus, WAZAN mendapat hak menjalankan aktiviti wakaf daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan di bawah penyeliaan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) yang merupakan anak syarikat kepada MAIS. Hasil perjanjian *Memorandum of Agreement* (MOA) di antara WAZAN dan PWS, sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan. Melalui perjanjian ini, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk melantik ahli jawatankuasa dalam kalangan warga UPM dan wakil daripada PWS.

Terdapat dua jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah WAZAN iaitu Jawatankuasa dana wakaf ilmu dan Jawatankuasa agihan manfaat wakaf. Jawatankuasa dana wakaf ilmu dipengerusikan oleh Naib Canselor UPM, keahliannya terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Wakaf Selangor atau Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, pendaftar UPM, pengarah WAZAN, Pengarah Pusat Islam, Pengarah Pusat Perhubungan Alumni, Bendahari/Bursar, Ketua Seksyen Pengurusan Dana Wakaf Ilmu (Setiausaha), Presiden Persatuan Pentadbir, Presiden Persatuan Pegawai Akademik, Presiden Kepertama (Kesatuan Kakitangan Am), Penasihat Syariah (2 orang) dan Yang Dipertua Majlis

Perwakilan Pelajar. Bagi jawatankuasa agihan manfaat wakaf, ianya dipengerusikan oleh pengarah WAZAN dan keahliannya terdiri daripada Ketua Seksyen Pengurusan atau Dana Wakaf Ilmu (Setiausaha), wakil hal ehwal pelajar, Pengarah Pusat Islam, wakil pendaftar dan wakil bursar. Sementara itu, dari sudut pengurusan dana wakaf boleh dibahagikan kepada dua iaitu pengurusan Dana Wakaf Tunai daripada dana Taslim (pokok) dan Dana Manfaat Wakaf. Dari segi pengurusan dana Taslim, 70 peratus yang diterima akan dilaburkan di dalam akaun pelaburan simpanan tetap manakala 30 peratus akan digunakan untuk pembangunan harta dan lain-lain penggunaan yang menepati syarak.

Jadual 4.1 :Pengurusan Dana Wakaf Tunai di WAZAN

Bil.	Agihan Dana Wakaf Tunai (Dana Taslim)	Jumlah Peruntukan
1.	Pelaburan di Simpanan Tetap	70%
2.	Pembangunan Harta Wakaf dan lain-lain penggunaan yang menepati hukum syarak	30%

Manakala, bagi pengurusan dana manfaat wakaf, pembahagian manfaat wakaf di antara WAZAN dan PWS adalah berdasarkan

perjanjian iaitu 15 peratus daripada jumlah manfaat wakaf tahunan akan diserahkan kepada PWS sebagai fi perkhidmatan dan agihan manfaat umat Islam di Selangor. Selebihnya adalah untuk agihan manfaat kepada UPM iaitu 20 peratus kos pengurusan WAZAN UPM sebagai yang menjalankan fungsi *Mutawalli* kepada PWS bagi pihak UPM dan 65 peratus lagi diagihkan kepada warga UPM dalam pelbagai bentuk bantuan kewangan, program keilmuan, penyelidikan dan lain-lain keperluan yang difikirkan sesuai.

Jadual 4.2 :Agihan Dana Manfaat Wakaf di WAZAN

Bil.	Agihan Dana Manfaat Wakaf (Mewakili 65% agihan kepada warga UPM)	Jumlah Peruntukan
1.	Simpanan untuk Kelestarian Dana Manfaat Wakaf	30%
2.	Pelbagai bentuk bantuan kewangan, program keilmuan, penyelidikan dan lain-lain keperluan yang difikirkan sesuai	70%

Pusat Wakaf Dan Endowmen UTHM

Pusat Wakaf dan Endowmen, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) ditubuhkan pada 2016 bertujuan untuk membantu universiti dalam menjana pendapatan melalui aktiviti wakaf dan endowmen di bawah pejabat *Chief Financial Officer* (CFO) Jabatan Bendahari. Pusat ini diketuai oleh Pengarah dan ditunjangi 3 unit iaitu; Unit Strategi dan Pemasaran (Penolong Pendaftar Kanan) dan seorang Penolong Pegawai Tadbir (Kanan) dibantu seorang Pembantu Tadbir Operasi (Unit Wakaf dan Endowmen) dan seorang Pembantu Tadbir Operasi (Unit Pentadbiran dan Kewangan). Untuk tadbir urus secara keseluruhan, pelaksanaan Pusat Wakaf dan Endowmen UTHM adalah tertakluk kepada MAINJ. Sehingga kini, empat (4) agensi yang diberikan status nazir khas dana wakaf tunai iaitu UTHM, UTM, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) dan Perbadanan Islam Johor (anak syarikat MAINJ). Fungsi dan peranan nazir khas yang ditetapkan oleh pihak MAINJ adalah untuk menguruskan dan melaksanakan segala aktiviti yang berkaitan dengan hal wakaf.

Untuk pengurusan wakaf ini, pemurniaan peranan jawatankuasa yang ada telah kemaskini dan dipraktikkan

oleh Jawatankuasa Wakaf MAINJ. Jawatankuasa yang tertinggi ialah Lembaga Penasihat Wakaf Dana Wakaf Tunai Pendidikan (DWTP) yang dipengerusikan oleh Sahibul Samahah YB Mufti Negeri Johor, dan dianggotai oleh Naib Canselor UTHM, Ketua Pegawai Eksekutif MAINJ, Pengarah Wakaf & Endowmen, Pendaftar, seorang pegawai wakaf, dan CFO. Manakala Pusat Wakaf dan Endowmen sebagai urus setia. Jawatankuasa di peringkat universiti pula adalah Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran (Kewangan, Perancangan dan Pelaburan) dipengerusikan oleh Naib Canselor (NC) serta ahli-ahli lain yang dilantik terdiri sebahagiannya daripada pegawai dari MAINJ dan juga pegawai universiti. Di bawah jawatankuasa tersebut terdapat tiga (3) jawatankuasa lain di bawahnya iaitu Jawatankuasa Syariah, Jawatankuasa Agihan dan Promosi, serta Jawatankuasa Audit. Pelantikan ahli jawatankuasa terdiri daripada pegawai UTHM dan pihak MAINJ.

Setiap projek wakaf atau mana-mana cadangan kertas kerja berkaitan hukum dan syariat akan dibentangkan ke peringkat Jawatankuasa Syariah. Apabila projek wakaf dinilai dan disokong oleh Jawatankuasa Syariah, seterusnya akan dibentangkan keputusan dan hujah daripada Jawatankuasa Syariah kepada

Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran bagi menilai dari segi kos dan kaedah pelaksanaannya. Seterusnya peringkat akhir kepada Jawatankuasa Lembaga Penasihat Wakaf DWTP untuk perakuan dan kelulusan. Sementara itu, dari segi pelaksanaan pembahagian agihan manfaat wakaf berdasarkan perjanjian (MoU) yang telah dipersetujui iaitu lima peratus (5%) agihan ke akaun MAINJ (*mutawalli* tunggal) bagi wakaf negeri Johor, manakala lima puluh peratus (50%) sebagai pertambahan pelaburan kembali. Baki sepuluh peratus (10%) daripada manfaat dana wakaf digunakan untuk kos pengurusan yang boleh digunakan oleh pentadbiran wakaf UTHM untuk operasi dan promosi. Sementara bakinya tiga puluh lima peratus (35%) akan diagihkan kepada manfaat pembangunan dan kepentingan kebajikan warga universiti. Jadual di bawah menunjukkan agihan manfaat wakaf di Pusat Wakaf dan Endowmen UTHM.

Jadual 4.3 : Agihan Manfaat Wakaf di Pusat Wakaf dan Endowmen UTHM

Bil.	Agihan Manfaat	Jumlah Peruntukan
1.	Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf	5%
	i. Mutawalli Tunggal - Pengurusan Majlis Agama Islam Johor	
	ii. Pengurusan Pusat Wakaf & Endowmen	10%
2.	Pembangunan dan Pengembangan Harta Wakaf - Pelaburan	50%
3.	Pembangunan dan kepentingan kebajikan warga Universiti	35%

Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat Dan Sedekah (WEZAS), UPSI

Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah (WEZAS) telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2020 dengan kapasiti enam (6) orang kakitangan termasuk Pengarah WEZAS. WEZAS bermula dengan unit kecil di Pusat Islam UPSI iaitu Unit Zakat dan Kebajikan. Apabila mendapat lantikan mutawalli daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak (MAIPk) dan persetujuan Naib Canselor, maka satu PTJ khusus telah diwujudkan yang menjalankan semua aktiviti

penjanaan sumbangan kewangan dan dikenali sebagai Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah (WEZAS). WEZAS diletakkan di bawah seliaan Bendahari UPSI supaya urusan menyalurkan bantuan lebih mudah dan tersusun. Hak mutawalli telah diberikan oleh MAIPk kepada UPSI iaitu hak sepenuhnya untuk mengutip dana wakaf tunai, mengagih dan melabur.

Sejajar dengan itu, laporan pengurusan tabung wakaf tersebut hendaklah dibentangkan dalam jawatankuasa pengurusan yang turut dianggotai oleh dua (2) orang wakil daripada MAIPk, Naib Canselor UPSI, wakil Bendahari, Pengarah WEZAS, pegawai wakaf dan wakil daripada Jabatan Pembangunan Harta Benda Universiti (JPHB) dan seorang pewakaf tetap UPSI bagi memberikan pandangan dan cadangan berhubung wakaf tunai UPSI. Terdapat dua jawatankuasa berasingan dalam pengurusan wakaf tunai UPSI iaitu di peringkat universiti dan jawatankuasa bersama mengikut kriteria LHDN. Dari sudut pengurusan tadbir urus, semua keputusan berkaitan dengan pengurusan wakaf di bawah tanggungjawab WEZAS termasuklah pengeluaran resit untuk tujuan percukaian. Walau bagaimanapun, untuk urusan pemegang hak tunggal bagi semua harta wakaf perlu didaftarkan

kepada MAIPk. Selain itu, untuk lain-lain isu berkaitan dengan wakaf, pihak WEZAS sentiasa merujuk kepada MAIPk supaya keselarian dan kesefahaman itu berlaku antara dua pihak.

Sementara itu, berkaitan dengan urusan pembahagian manfaat wakaf, secara keseluruhan manfaat wakaf diberikan kepada pihak UPSI. Walaubagaimanapun, hanya sepuluh (10) peratus daripada manfaat kutipan wakaf akan dikongsi bersama MAIPk iaitu lima (5) peratus akan menjadi milik MAIPk dan lima (5) peratus lagi digunakan oleh pihak UPSI untuk tujuan urusan promosi dan pentadbiran yang berkaitan dengan wakaf. Lima (5) peratus yang diberikan kepada MAIPk itu adalah bertujuan untuk digunakan apabila projek wakaf seliaan WEZAS menghadapi masalah seperti terbengkalai dan sebagainya. Maka MAIPk akan mengambil alih projek tersebut dan menggunakan manfaat wakaf sebanyak 5 peratus yang diterima sebelum ini untuk membantu dan membaik pulih projek.

Jadual 4.4: Agihan Manfaat Wakaf di WEZAS

Bil.	Agihan Manfaat	Jumlah Peruntukan
1.	Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf i. Majlis Agama Islam Perak ii. UPSI (Promosi dan Pentadbiran)	5% 5%
2.	Kebajikan dan kepentingan Pendidikan Universiti	90%

Wakaf Yayasan Canselor UKM

Bahagian Wakaf Yayasan Canselor UKM telah ditubuhkan pada tahun 2011 selepas memperoleh kebenaran daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk melaksanakan wakaf. Seterusnya, Wakaf UKM diletakkan di bawah bidang kuasa Yayasan Canselor UKM sebagai satu unit di bawah PTJ yang diberi tanggungjawab penjaanaan pendapatan dan mencari sumber kewangan melalui wakaf, sedekah, endowmen, biasiswa dan kursi wakaf.

Wakaf di UKM bermula dengan kutipan wakaf tunai sahaja sama ada melalui potongan gaji staf atau sekali-beri (*one-off*). Pada tahun 2017, segala urusan berkaitan wakaf dipindahkan daripada MAIS kepada PWS yang mana segala urusan berkaitan wakaf di Selangor hendaklah melalui PWS dan bukan lagi

secara langsung dengan MAIS. Wakaf Yayasan Canselor UKM mendapat kebenaran bagi melaksanakan aktiviti wakaf bagi tempoh 3 tahun dan lesen menguruskan wakaf diperbaharui setiap 3 tahun.

Jawatankuasa Pengurusan Wakaf UKM dianggotai oleh tiga (3) orang wakil UKM dan tiga (3) orang wakil daripada PWS yang menentukan polisi wakaf di UKM dan semua aktiviti berkaitan wakaf. Kutipan wakaf tunai UKM akan diserahkan kepada PWS dan dalam tempoh 21 hari, PWS akan mengembalikan kutipan tersebut kepada akaun UKM.

Dana Wakaf Pendidikan UTM

Secara keseluruhannya, Dana Wakaf Pendidikan UTM (DWP-UTM) ialah program penajaan dan berlandaskan konsep wakaf am melalui sumbangan dana berbentuk wang tunai dan harta. UTM sebagai sebuah UA sedang melaksanakan pelbagai strategi untuk meningkatkan pendapatan sendiri dari pelbagai sumber alternatif agar dapat mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan. MAINJ telah melantik UTM sebagai Nazir Khas DWP-UTM pada 26 Julai 2016 dan beroperasi sepenuhnya pada April 2017.

Objektif utama penubuhan DWP-UTM ialah untuk:

- a) menyediakan alternatif kepada masyarakat untuk melakukan ibadah wakaf
- b) mengenal pasti kaedah yang sesuai untuk melaksanakan pengumpulan dana wakaf dan pengagihannya kepada penerima (*Mawquf Alaih*) yang layak mengikut hukum syarak
- c) menyediakan biasiswa kepada penerima (*Mawquf Alaih*) terpilih sebagai alternatif kepada skim-skim bantuan kewangan yang sedia ada dan
- d) menyediakan dana kepada pihak berkaitan bagi tujuan penyelidikan, konsultasi, pembangunan makmal, penyediaan tesis dan lain-lain.

Dari segi jawatankuasa pengurusan wakaf, DWP-UTM bertindak sebagai Nazir Khas iaitu berperanan untuk menguruskan pembangunan harta wakaf tanpa menjejaskan kuasa MAINJ yang berperanan sebagai *mutawalli* tunggal bagi harta-harta wakaf. Terdapat dua jawatankuasa yang ditubuhkan iaitu Keanggotaan Lembaga Pengarah Dana Wakaf Pendidikan UTM

dan Keanggotaan Jawatankuasa Pengurusan Dana Wakaf Tunai Pendidikan UTM.

Keanggotaan Lembaga Pengarah Dana Wakaf Pendidikan UTM dipengerusikan oleh timbalan pengerusi MAIJ dan timbalan pengerusi diwakili oleh Naib Canselor UTM, setiausaha diwakili oleh Timbalan Naib Canselor UTM (Pembangunan), timbalan setiausaha (Pegawai MAIJ), bendahari UTM, dan keahliannya terdiri daripada seorang wakil Lembaga Pengarah UTM, Ketua Pegawai Eksekutif MAIJ, Pendaftar UTM, Mufti Johor, Timbalan Mufti Johor, Penasihat MAIJ, seorang Tokoh dari luar (Pakar Wakaf), seorang tokoh dari luar (Ahli Perniagaan atau Pelaburan) dan Pengarah Dana Wakaf. Manakala urusetia bagi keanggotaan ini diwakili oleh Unit Dana Wakaf Pendidikan UTM.

Keanggotaan Jawatankuasa Pengurusan Dana Wakaf Tunai Pendidikan UTM dipengerusikan oleh Naib Canselor UTM. Bagi pengerusi gantian akan diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Pembangunan). Keahliannya diwakili oleh Pengarah Dana Wakaf Tunai Pendidikan UTM, Pensyarah ATI, Bendahari UTM, Kadi Besar Johor, KPP Zakat, Baitulmal, dan Wakaf MAIJ, Pegawai Wakaf MAIJ, Pengerusi Bahagian Pemajuan, JTNC (P). Urusetia diwakili oleh Unit Dana Wakaf Pendidikan UTM. Manakala, untuk

pembahagian manfaat wakaf, lima (5) peratus diperuntukkan untuk kos pentadbiran, lima (5) peratus kepada MAINJ, empat puluh (40) peratus untuk pengembangan dan lima puluh (50) peratus untuk penerima manfaat.

Jadual 4.5: Agihan Manfaat Wakaf DWP-UTM

Bil.	Agihan Manfaat	Jumlah Peruntukan
1.	Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf <ol style="list-style-type: none">i. Majlis Agama Islam Negeri Johorii. Kos Pengurusan UTM	5% 5%
2.	Pembangunan dan Pengembangan Harta Wakaf	40%
3.	Kebajikan dan kepentingan Pendidikan Universiti	50%

Bahagian Zakat Sedekah Dan Wakaf UiTM (ZAWAF)

Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) bermula dengan penubuhan Unit Zakat pada tahun 1998. Seterusnya telah melalui beberapa fasa perubahan dan penstrukturan semula, dan akhirnya pada tahun 2019 telah distrukturkan semula dan dinaiktaraf menjadi Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) serta diletakkan di bawah seliaan Naib Canselor UiTM. ZAWAF diketuai oleh Pengarah dan dibantu oleh

sepuluh (10) orang staf yang diletakkan di bawah unit-unit kecil yang memfokuskan bidang tugas masing-masing iaitu kutipan dan pemasaran, agihan dan program, penyelidikan dan pembangunan serta pentadbiran dan kewangan.

Dari segi pentadbiran utama, operasi wakaf di ZAWAF dijalankan dengan kebenaran PWS dan ZAWAF UiTM telah diberikan hak menjalankan aktiviti wakaf berdasarkan *Memorandum of Agreement (MoA)* yang terikat antara UiTM dan PWS. Apa sahaja urusan berkaitan dengan wakaf mestilah melalui jawatankuasa yang telah dibentuk dan kemudian perlu dibawa ke mesyuarat untuk mendapatkan kelulusan dari PWS.

Berdasarkan MoA yang telah ditandatangani bersama PWS, jawatankuasa yang ditubuhkan mestilah mempunyai ahli dari UiTM dan sebahagiannya dari PWS. Terdapat dua jawatankuasa utama untuk pentadbiran wakaf UiTM bersama PWS iaitu Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pelaksana. Jawatankuasa Induk dikenali sebagai Jawatankuasa Dana Wakaf Ilmu UiTM yang dianggotai oleh Naib Canselor, Bendahari UiTM, Pendaftar, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) dan seorang wakil PWS. Sebarang perkara berkaitan penggubalan dasar kuasa pengurusan projek wakaf adalah di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Induk.

Manakala Jawatankuasa Pelaksana pula dinamakan sebagai Tabung Amanah Wakaf (TAWA) yang berperanan untuk meluluskan segala projek wakaf. Jawatankuasa Syariah juga telah ditubuhkan untuk memantau aktiviti dan pengurusan ZAWAF yang dianggotai oleh staf UiTM Sementara itu, pembahagian manfaat wakaf di antara UiTM dan PWS adalah berdasarkan perjanjian iaitu 85% dimiliki oleh pihak UiTM manakala 15% daripada manfaat wakaf akan diserahkan kepada PWS.

Jadual 4.6: Agihan Manfaat Wakaf di ZAWAF

Bil.	Agihan Manfaat	Jumlah Peruntukan
1.	Perbadanan Wakaf Selangor	15%
2.	Kebajikan dan kepentingan Pendidikan Universiti UiTM	85%

Pusat Wakaf Dan Zakat (PWZ) USIM

Pengurusan wakaf di USIM bermula dengan penubuhan Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf (PPPW) pada tahun 2013 dengan kekuatan seramai 6 orang kakitangan. PPPW kemudiannya dikenali dengan nama Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) selaras dengan penambahan peranan dalam tadbir urus dana zakat di USIM pada tahun 2017.

PWZ mendapat status pelantikan sebagai Mutawalli Dana Wakaf al-Abrar USIM daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) pada tahun 2013. Dana Wakaf al-Abrar USIM bertujuan sebagai wadah penggerak kepada amalan sedekah jariah melalui sumbangan wakaf dikalangan warga USIM dan sekitarnya. Laporan pengurusan pentadbiran dan kewangan dana wakaf diserahkan kepada MAINS secara bulanan bagi tujuan perekodan. PWZ juga mendapat kebenaran autonomi menjalankan aktiviti kutipan dan pengurusan dana wakaf di USIM. PWZ menumpukan kepada kutipan dana dalam negara melalui potongan gaji kakitangan, sumbangan individu, institusi perbankan, syarikat korporat dan sebagainya.

Untuk tadbir urus keseluruhan, struktur pentadbiran wakaf di PWZ di letakkan di bawah Pejabat Penolong Naib Canselor (Penjanaan dan Kelestarian Kewangan). Terdapat beberapa jawatankuasa pengurusan wakaf di PWZ termasuklah Jawatankuasa Majlis Wakaf USIM-MAINS dan Jawatankuasa Pengurusan Wakaf. Jawatankuasa Majlis Wakaf USIM-MAINS ini dianggotai oleh Mufti Kerajaan Negeri Sembilan sebagai pengerusi, Naib Canselor USIM, Pengarah PWZ, TNC A&A, TNC P&I , TNC HEPA, Pendaftar, Bendahari, Penasihat

Undang-undang, Pengerusi Panel Syariah Audit SIRIM USIM dan seorang ahli daripada MAINS. Manakala, bagi peringkat universiti, Jawatankuasa Pengurusan Wakaf dianggotai oleh Pengarah PWZ, Penolong Pendaftar PWZ, Dekan FPSK, Dekan FSU, Dekan FPQS, Dekan FEM, Setiausaha MAINS, ahli daripada Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (1), , wakil tetap Pendaftar dan wakil tetap Bendahari.

Seksyen Zakat, Wakaf Dan Infaq (ZAWIN) UMT

ZAWIN merupakan sebuah seksyen di bawah Pusat Islam Sultan Mahmud Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang menggabungkan Zakat, Wakaf dan Infaq. Wakaf di UMT bermula pada tahun 2014 yang diberikan nama endowmen khas dan pada tahun 2018, ZAWIN telah ditubuhkan secara rasmi dengan kelulusan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Sehingga kini, ZAWIN belum mendapat hak *mutawalli* dan telah menjalankan kerjasama secara hibrid bersama MAIDAM melalui perjanjian yang telah dipersetujui. MAIDAM telah memberi kebenaran kepada pihak ZAWIN untuk menjalankan aktiviti mengutip dana wakaf.

Bagi struktur pengurusan jawatankuasa wakaf, lima puluh (50) peratus ahli adalah daripada UMT dan lima puluh (50) peratus daripada MAIDAM yang mana dipengerusikan oleh Yang Dipertua MAIDAM dan Naib Canselor UMT sebagai pengerusi jawatankuasa bersama. Terdapat juga satu jawatankuasa lain di peringkat universiti iaitu Jawatankuasa Teknikal Wakaf Ilmu UMT-MAIDAM yang mana dianggotai oleh staf UMT sahaja.

Dari segi pengurusan kutipan dana wakaf, UMT menggunakan model pengurusan secara hibrid bersama MAIDAM. UMT akan memindahkan kutipan wakaf tunai ke dalam Akaun Tabung Amanah Wakaf UMT dan akan menyerahkan kepada pihak MAIDAM setiap empat bulan ke dalam Akaun Amanah Wakaf UMT- MAIDAM. Mengikut perjanjian yang telah dimeterai, satu jawatankuasa UMT-MAIDAM diwujudkan bagi menguruskan dana wakaf tersebut. Fungsi jawatankuasa ini adalah untuk menerima laporan dan meluluskan perolehan bagi dana wakaf tersebut.

Walau bagaimanapun, manfaat daripada dana wakaf tersebut akan dipindahkan ke akaun tabung amanah wakaf UMT dan sebarang penggunaan daripada manfaat tadi tidak perlu mendapatkan kelulusan jawatankuasa pengurusan tersebut.

Untuk penggunaan manfaat dana wakaf, UMT mempunyai hak keseluruhan bagi penggunaan manfaat dana wakaf yang telah diterima tanpa berkongsi dengan pihak MAIDAM.

Jadual 4.7: Agihan Manfaat Wakaf UMT(ZAWIN)

Bil.	Agihan Manfaat	Jumlah Peruntukan
1.	Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf ZAWIN	100%

Crowdfunding - Wakaf UNIMAP

Wakaf di UNIMAP bermula pada tahun 2016 yang memfokuskan wakaf bagi pembinaan masjid dan Kompleks Pusat Islam. Unit Wakaf UNIMAP diletakkan di bawah pengurusan *Centre for Entrepreneurship Industry & Community Network (CEICnet)*. Terdapat penstrukturan semula di peringkat universiti pada pertengahan tahun 2021 dan wakaf UNIMAP telah diletakkan di bawah Jabatan Bendahari. Wakaf UNIMAP telah dilantik sebagai pentadbir wakaf. Dana yang dikutip oleh pihak UNIMAP perlu dilaporkan dan dipindahkan ke akaun MAIPS dan akan dipindahkan kembali kepada UNIMAP setelah dibentangkan di peringkat jawatankuasa majlis dan dikemaskini amaun dana wakaf di pihak MAIPs.

Untuk pengurusan jawatankuasa wakaf UNIMAP, satu jawatankuasa pengurusan wakaf di peringkat universiti telah dibentuk bagi mencari dana wakaf bagi projek wakaf tersebut kerana pada masa itu UNIMAP merupakan satu-satunya universiti awam yang belum mempunyai masjid universiti. Jawatankuasa Penjanaan dan Pengurusan Tabung Wakaf/Endowmen/Amanah UNIMAP dibentuk dan dipengerusikan oleh Naib Canselor (NC) UNIMAP dan ahli-ahli terdiri daripada staf UNIMAP. Bagi Jawatankuasa Pemegang Amanah Tabung Wakaf/Endowmen/Amanah UNIMAP, wakil Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) merupakan pengerusi bagi jawatankuasa ini dan dianggotai oleh wakil LPU, Ahli luar, Naib Canselor, Bendahari, Pendaftar, Penasihat Undang-undang, wakil Pusat Islam, Ahli Akademik dan wakil MAIPs.

Sektor Pembangunan Masjid & Wakaf, Pusat Islam USM

USM telah menubuhkan Pejabat Waqaf USM pada tahun 2017 bagi memperkasakan peranan institusi wakaf USM seiring dengan dasar yang dikeluarkan oleh KPT berkenaan wakaf di UA. Pada tahun 2018, melalui mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU), USM telah melakukan penstrukturan dan

penjenamaan semula. Pejabat Waqaf USM telah dijenamakan kepada Pejabat Zakat, Waqaf dan Infaq (ZAWAIN) USM yang lebih mengkhususkan kepada pengurusan dana-dana Islam merangkumi zakat, wakaf, infaq dan lain-lain.

ZAWAIN telah dipindahkan ke Pusat Islam USM pada tahun 2020 dan telah diletakkan di bawah Sektor Pembangunan Masjid & Waqaf Pusat Islam USM. Jawatankuasa Pengurusan Wakaf USM dianggotai oleh wakil USM, CEO Wakaf Pulau Pinang (WPP) dan beberapa wakil daripada WPP. Sektor Pembangunan Masjid & Waqaf USM mendapat hak menjalankan aktiviti wakaf daripada WPP. Buat masa sekarang ZAWAIN banyak bergerak seiring dengan WPP dalam usaha untuk membangunkan wakaf di Pulau Pinang dan juga wakaf di USM. Bagi jawatankuasa wakaf dalam universiti, USM juga mempunyai Jawatankuasa Wakaf Masjid iaitu merujuk kepada Jawatankuasa Kariah Masjid tetapi bergerak di bawah persetujuan Naib Canselor USM dan merupakan badan yang dilantik oleh WPP.

Tabung Wakaf UTEM

Tabung Wakaf UTeM telah ditubuhkan pada Disember 2012 yang bertujuan untuk mengumpulkan dana dari pelbagai

pihak termasuklah orang ramai, alumni dan staf. Tabung Wakaf UTeM diletakkan di bawah unit Penjanaaan Pendapatan, Bahagian Pengurusan Kewangan dan Perakaunan di bawah Pusat Strategik Penjanaaan Pendapatan (PSPP) UTeM. Ahli Jawatankuasa Pemegang Amanah/Nazir Tabung Endowmen/Wakaf UTeM terdiri daripada Naib Canselor sebagai Pengerusi jawatankuasa dan dianggotai oleh ahli-ahli lain termasuklah wakil universiti, ahli LPU, Pendaftar, Bendahari dan Pengarah Pusat Islam. Pembahagian manfaat tabung wakaf belum diputuskan memandangkan UTeM masih dalam proses mendapatkan hak *mutawalli* daripada Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

Jenis Wakaf di Universiti Awam

Terdapat beberapa jenis wakaf yang dilaksanakan di universiti awam termasuklah wakaf am dan wakaf khas.



Rajah 4.2: Jenis Wakaf di UA

Wakaf Am

Majoriti universiti awam melaksanakan Wakaf Am iaitu pewakaf mewakafkan hartanya untuk tujuan kebajikan semata-mata tanpa ditentukan tujuan yang khusus bagi dana wakaf tersebut.

Antara universiti awam yang melaksanakan wakaf am ialah Dana Wakaf Ilmu UPM, Wakaf Pendidikan UTM, Tabung Wakaf USM, Dana Wakaf Ilmu UKM, Dana Wakaf Tunai Pendidikan UTHM dan beberapa projek wakaf tunai am di USIM, UiTM, UPSI, UMT, UNIMAP dan UTEM.

Jadual 4.8: Wakaf Am Universiti Awam

Bil	UA	Wakaf Am
1.	UPM	Dana Wakaf Ilmu UPM
2.	UTHM	Dana Wakaf Tunai Pendidikan UTHM
3.	UKM	Dana Wakaf Ilmu UKM
4.	UTM	Wakaf Tunai Am - Wakaf Pendidikan UTM
5.	UITM	Dana Wakaf Ilmu UITM
6.	USIM	Dana Wakaf al-Abrar
7.	UMT	Tabung Wakaf Ilmu UMT
8.	UNIMAP	Wakaf Tunai UNIMAP
9.	USM	Tabung Wakaf USM
10.	UTEM	Tabung wakaf

Wakaf Khas

Bagi wakaf khas yang telah dilaksanakan di universiti awam, wakaf khas tersebut meliputi wakaf tunai untuk tujuan tertentu dan wakaf harta alih atau tidak alih bagi kegunaan pendidikan. Bagi UPSI, terdapat dua projek wakaf khas yang melibatkan projek pembangunan iaitu wakaf al-Mursyidin yang ditubuhkan untuk merealisasikan filantropi sebagai asas dalam mencipta satu agenda besar dalam pendidikan iaitu projek Akademi Pondok Bitara dan Sekolah Makmal UPSI.

Projek-projek ini adalah Wakaf Khas yang merupakan antara usaha UPSI dalam kerangka untuk mengembalikan kegemilangan ekonomi umat Islam dengan menjadikan dana wakaf sebagai asas bagi memacu pendidikan. Selain daripada itu, terdapat juga wakaf khas aset yang telah diwakafkan oleh seorang individu kepada UPSI bagi tujuan manfaat pendidikan UPSI iaitu rumah dan tanah yang terletak di Wilayah Persekutuan (WP) yang mana berada di bawah pengawasan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Projek Wakaf Khas UKM dilaksanakan dengan kerjasama pusat tanggungjawab dan antaranya bertujuan untuk pembelian peralatan seperti kerusi pergigian dan mesin x-ray bagi kegunaan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) UKM. Di samping itu, terdapat beberapa Wakaf Khas di Hospital Canselor Tuanku Mukhriz UKM yang dapat membantu kewangan hospital sekali gus mengurangkan kos operasi hospital.

Projek Wakaf Khas di UTM terdiri daripada wakaf sekolah agama, wakaf karpet masjid, wakaf kipas masjid, wakaf penapis air, wakaf kerusi meja dan wakaf van jenazah manakala UITM melaksanakan projek wakaf khas Masjid Puncak Alam dan Wakaf Kompleks Arsyad Ayub. Manakala bagi USIM, terdapat beberapa projek Wakaf Khas termasuklah wakaf kesihatan yang dilaksanakan di bawah PWZ iaitu Klinik Pakar Kesihatan USIM yang mula beroperasi pada tahun 2015. Klinik Pakar Kesihatan dan Pergigian USIM menawarkan perkhidmatan kepakaran perubatan kepada masyarakat sekitar bandar Nilai secara khususnya dan Negeri Sembilan secara amnya. Pada tahun 2018, USIM dengan kerjasama MAINS dan Permodalan Nasional Berhad telah mewujudkan Pusat Hemodialisis USIM-MAINS-PNB. Pusat hemodialisis ini memberi manfaat kepada

pesakit asnaf di sekitar Negeri Sembilan. Pesakit bukan asnaf juga boleh mendapatkan rawatan di pusat tersebut. Selain daripada itu, terdapat juga projek Wakaf Khas yang akan dilaksanakan iaitu kolej kediaman wakaf, Pusat Fisioterapi USIM dan Biasiswa Wakaf bagi menangani isu keperluan kerusi pergigian bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran di Fakulti Pergigian (FPg) USIM.

Bagi UMT, beberapa projek Wakaf Khas dijalankan termasuklah Wakaf Air Sabil UMT iaitu wakaf penapis air melibatkan pembelian mesin air minuman bertapis dan diletakkan di dalam kampus UMT. Selain itu, Wakaf Caravan Serai iaitu kemudahan penginapan dan rehat sementara yang disediakan secara percuma kepada para musafir. Wakaf Khas Caravan Serai merupakan ikonik wakaf peninggalan peradaban agung kerajaan Turki *Uthmaniyyah* yang dikelolakan oleh badan pengurusan wakaf di UMT dan bertujuan untuk meringankan beban sesama Muslim. Terdapat juga projek Wakaf Khas syiling emas oleh pihak wakaf UMT. Menerusi projek ini, individu yang membeli syiling emas tersebut akan mewakafkan beberapa amaun daripada pembeliannya kepada tabung wakaf UMT.

Jadual 4.9: Jenis Wakaf Khas di UA

Bil	Nama Pusat Wakaf	Jenis wakaf
1.	Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM	Ambulans Pusat Kesihatan Universiti Karpit Masjid Universiti Pusat Aktiviti Warga Emas@Pak Ngah Atan Anjung Ilmu@library Musalla Al-Falah@Sukan Kipas Gergasi Masjid Universiti
3.	Pusat Wakaf dan Endowmen UTHM	Wakaf Prasarana Wakaf Hemodialisis Kiosk Wakaf Kompleks Darul Ilmi Wakaf Van Jenazah
4.	Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah (WEZAS)	Wakaf khas Al Murshidin Akademi Pondok Bitara Sekolah Makmal UPSI
5.	UKM	Wakaf kerusi pergigian Wakaf peralatan hospital
6.	Dana Wakaf Pendidikan UTM	Wakaf Sekolah Agama Wakaf Karpit Masjid Wakaf Kipas Masjid Wakaf Penapis Air Wakaf Kerusi Meja Wakaf Van Jenazah
7.	Bahagian Zakat Sedekah dan Wakaf (ZAWAF)	Wakaf khas Masjid Puncak Alam Wakaf khas Kompleks Arshad Ayub

8.	Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ)	Wakaf Kesihatan (Klinik pAKAR kesihatan dan Pergigian) Wakaf Kolej Kediaman Wakaf Penapis air dan Peralatan pendidikan Biasiswa Wakaf Kerusi Pergigian Pusat Fisioterapi USIM
9.	Seksyen Zakat, Wakaf Dan Infaq (ZAWIN)	Wakaf Air Sabil Wakaf Syiling Emas Wakaf CaravanSerai
10.	Crowdfunding – Wakaf UNIMAP	Wakaf Tanah Wakaf Mesin Air Wakaf Perpustakaan Wakaf Kolej Kediaman Wakaf Mesin Ultrasound
	Sektor Pembangunan Masjid dan Waqaf Pusat Islam USM	Wakaf Masjid Wakaf Laptop Wakaf Karpet Wakaf Laluan Rahmah

Kaedah Kutipan Wakaf di Universiti Awam

Terdapat beberapa kaedah kutipan wakaf yang telah dilaksanakan di universiti awam sama ada secara sekali beri (*one-off*) atau berkala menggunakan pelbagai saluran termasuklah secara atas talian, potongan gaji bulanan, *Financial Process Exchange* (FPX), kutipan tabung besi dan pembayaran di kaunter. Secara keseluruhannya, kebanyakan universiti awam

menggunakan kaedah potongan gaji sebagai kaedah utama dalam menggalakkan amalan berwakaf dan meningkatkan kutipan wakaf. Kaedah kutipan dana wakaf melalui potongan gaji merupakan kaedah yang paling berkesan dan konsisten dalam pengumpulan dana wakaf.

Penggunaan aplikasi pembayaran secara dalam talian juga merupakan antara kaedah yang dilaksanakan di universiti awam iaitu pemindahan melalui akaun FPX, penggunaan aplikasi UTMsmart, *e-Payment@UPSI*, UiTM Pay dan Sistem e-Pusat Islam bagi USM untuk menggalakkan warga kampus berwakaf. Terdapat juga kaedah kutipan melalui tabung besi yang diletakkan di beberapa lokasi strategik seperti di masjid yang telah dilaksanakan oleh UPM dan UTM.

Bagi memudahkan urusan kutipan wakaf di UPM, pelbagai inisiatif telah dijalankan. Terdapat 17 kaedah yang telah dilaksanakan termasuklah melalui Kaunter WAZAN, Skim Potongan Gaji, Peti Besi Wakaf, CIMB *Clicks*, *Crowdfunding*, MySadaqah, e-Claim, Media Sosial, e-Jurnal, Insentif Penerbitan IP, Royalti Buku, 1 Pelajar/RM1/1bulan, Insentif Paten, Wakaf Korporat, Kembara Wakaf dan projek wakaf. Kaedah kutipan dana wakaf di USM melalui dua cara iaitu kutipan Tabung Wakaf

Universiti di bawah seliaan dan pemantauan Universiti dan Majlis Agama Islam Pulau Pinang serta kutipan Tabung Masjid iaitu wakaf yang diselia oleh Jawatankuasa Wakaf Masjid USM dengan pemantauan dan kelulusan pihak berkuasa universiti.

UKM menggunakan kaedah kutipan wakaf secara potongan gaji di kalangan warga kampus sama ada secara dalam talian atau melalui borang potongan gaji. UMT mengutip dana wakaf melalui skim wakaf pelajar menerusi yuran kebajikan yang dibayar oleh para pelajar pada setiap tahun dan dimasukkan ke dalam Tabung Wakaf Ilmu. Pada masa yang sama, kutipan dana wakaf universiti juga dijana melalui sumbangan oleh pewakaf luar iaitu sama ada orang awam atau alumni UMT. Sementara itu, UPSI juga menggunakan kaedah yang pelbagai dalam meningkatkan dana wakaf. Beberapa kaedah dilaksanakan termasuklah skim potongan gaji melalui portal staf UPSI, pembayaran dalam talian: epayment.upsi.edu.my, Bank Islam, Maybank2u dan Bank Rakyat serta kutipan tabung besi wakaf di beberapa lokasi strategik di sekitar UPSI termasuklah Scholar's Suite, Lobi Canselori, Perpustakaan, Surau An-Nur, Masjid Al-Mursyidin, ATM Pintu Utama, ATM Pintu Timur, Surau Al-Falah dan Arena UPSI.

Cabaran Dan Isu Tadbir Urus Wakaf (analisis S.W.O.T)	
<p>KEKUATAN</p> <p>Mendapat sokongan yang menyeluruh daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).</p> <p>Kaedah kutipan yang pelbagai telah dilaksanakan di setiap UA.</p>	<p>KELEMAHAN</p> <p>Pengurusan tadbir urus wakaf yang tidak menepati garis panduan Akta Cukai Pendapatan (ACP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).</p> <p>Tadbir urus wakaf yang berbeza di antara MAIN.</p> <p>Kurang penghayatan dan kesedaran dalam pengembangan dan tadbir urus wakaf di UA.</p> <p>Kawalan dalaman UA yang tidak efektif.</p>
<p>PELUANG</p> <p>Mengadakan kerjasama erat bersama pihak LHDN dalam memastikan tadbir urus yang berkesan.</p> <p>Pelarasan berkenaan tadbir urus wakaf diantara MAIN dan UA.</p> <p>Penglibatan pemegang taruh (<i>stakeholder</i>) yang pelbagai dalam tadbir urus wakaf.</p>	<p>ANCAMAN</p> <p>Ketidakteraturan prosedur pengurusan wakaf di setiap UA dan MAIN.</p> <p>Karenah birokrasi dalam pengurusan tertinggi UA.</p>

Rajah 4.3: Tadbir Urus Wakaf Universiti Awam Melalui Analisis S.W.O.T

Kesimpulan

Hasil kupasan dan perbincangan bagi sepuluh (10) corak tadbir urus yang terdapat di beberapa UA di Malaysia dapat disimpulkan bahawa hubungan MAIN dan institusi pendidikan khususnya UA amat penting dalam melaksanakan dan membangunkan amalan berwakaf. Kepelbagaian tadbir urus wakaf dari aspek pentadbiran dan pembahagian manfaat wakaf dapat memberikan rujukan baharu kepada institusi pendidikan lain bagi melaksanakan tadbir urus wakaf yang lebih dinamik dan komprehensif. Diharapkan kupasan ini membuka ruang dan peluang untuk memakmurkan amalan wakaf di institusi pendidikan di Malaysia secara umumnya.

Berdasarkan penelitian di atas, terdapat perbezaan terhadap jenis-jenis wakaf yang diaplikasikan oleh setiap UA. Selain itu, setiap UA turut menggunakan pelbagai kaedah kutipan dana wakaf di setiap universiti masing-masing dengan tujuan untuk memudahkan semua pihak menyumbang dana wakaf tersebut. Oleh yang demikian, cadangan model tadbir urus wakaf pendidikan yang disediakan menerusi buku ini diharap dapat dijadikan panduan dan rujukan untuk diaplikasikan oleh semua UA secara selari agar wakaf pendidikan di Malaysia menjadi contoh kepada negara lain.

BAB 5

CADANGAN MODEL TADBIR URUS WAKAF DI UNIVERSITI AWAM

Tadbir Urus Wakaf yang Ideal dan Profesional

Wakaf telah menjadi salah satu agenda KPT yang perlu direalisasikan oleh setiap UA bagi penjaanaan pendapatan sendiri selaras dengan pengurangan peruntukan kepada setiap UA. Pihak pengurusan wakaf universiti memainkan peranan penting dalam kelangsungan wakaf di setiap UA. Setiap UA mempunyai hak mentadbir wakaf yang berlainan disebabkan MAIN yang berlainan sama ada hak *mutawalli*, *nazir*, wakil, agen wakaf, hak sebagai pentadbir wakaf atau kerjasama secara hibrid. Hak mentadbir wakaf ini perlu diperolehi oleh setiap UA bagi kelancaran proses melaksanakan program wakaf di UA.

Selain daripada itu, jawatankuasa pengurusan wakaf sama ada di peringkat universiti atau peringkat bersama MAIN harus diperkemaskan dan lebih proaktif untuk memastikan setiap program wakaf yang dilaksanakan mengikut hukum


syarak dan tidak menimbulkan keraguan di kalangan pewakaf dan masyarakat umum. Berdasarkan kepada Garis Panduan permohonan untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan (ACP), ahli jawatankuasa yang memantau tabung wakaf hendaklah dilantik atas persetujuan dan perjanjian yang dimeterai bersama MAIN dan UA tersebut. 50 peratus ahli jawatankuasa yang dilantik mestilah terdiri daripada orang luar yang tidak mempunyai perkaitan dengan UA tersebut.

Terdapat beberapa model tadbir urus wakaf di UA yang berbeza iaitu sebagai sebuah PTJ, bahagian, seksyen atau unit kecil di bawah PTJ yang mempunyai had kuasa tadbir urus wakaf yang berbeza. Pusat pengurusan wakaf yang berdiri sebagai sebuah PTJ mempunyai bidang kuasa yang lebih meluas dan staf yang lebih ramai bagi mengendalikan setiap unit. Staf yang mencukupi di dalam sesebuah organisasi akan melancarkan operasi pengurusan wakaf dan lebih berfokus dalam melaksanakan sesuatu tugas.

Urus Tadbir Pengurusan Wakaf di Universiti Awam


Daripada aspek pengurusan atau ahli jawatankuasa yang memantau tadbir urus dana wakaf bagi setiap universiti, berdasarkan peraturan yang telah diperkenalkan oleh LHDNM berhubung dengan Subseksyen 44(11D) menyatakan bahawa ahli jawatankuasa yang memantau tabung wakaf hendaklah dilantik atas persetujuan dan perjanjian yang dimeterai bersama Majlis Agama Islam Negeri dan universiti awam tersebut. Selain daripada itu, 50 peratus ahli jawatankuasa yang dilantik mestilah terdiri daripada orang luar yang tidak mempunyai perkaitan dengan universiti awam tersebut. Perkaitan yang dinyatakan adalah termasuk dan tidak terhad kepada hubungan kekeluargaan, hubungan majikan dan pekerja atau pengarah atau pekerja di syarikat yang sama. Oleh yang demikian, pembentukan jawatankuasa diperlukan bagi memperkukuh tadbir urus pengurusan wakaf. Jawatankuasa Pengurusan Wakaf boleh dibentuk melalui dua jawatankuasa berasingan iaitu:

a) Jawatankuasa Pengurusan Wakaf



Rajah 5.1: Jawatankuasa Pengurusan Wakaf

b) Jawatankuasa Bersama Pengurusan Wakaf



Rajah 5.2: Jawatankuasa Bersama Pengurusan Wakaf

Fungsi Jawatankuasa Pengurusan Bersama

Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB) terdiri daripada kakitangan dari kedua-dua UA dan MAIN. JPB menjalankan peranan seperti berikut:


- a. Menguruskan kutipan dana wakaf daripada orang ramai;
- b. Memantau aktiviti berkaitan penggunaan dana dan manfaat wakaf;
- c. Menjalankan pemprosesan, kelulusan dan pengeluaran ke atas permohonan dana dan manfaat wakaf; dan
- d. Menyokong pengurusan operasi dan perkembangan aktiviti wakaf.

Untuk menjamin ketelusan di dalam pengurusan dana wakaf, wakaf UA juga perlu dipantau oleh dua (2) badan berautoriti dalam bidang pengauditan dan pengurusan termasuklah:

- a. Audit Dalaman MAIN
- b. Audit Dalaman UA

Aktiviti pengurusan akan diaudit secara berkala dan laporan audit akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan

Wakaf dan seterusnya kepada Jawatankuasa Pengurusan Bersama Wakaf. Proses pengauditan ini merupakan salah satu usaha untuk memberi keyakinan kepada para pewakaf, pengawalan urus tadbir serta menambah baik pengurusan dana wakaf UA.




Rajah 5.3: Model Pengurusan Wakaf di UA

Carta alir di atas menunjukkan struktur dan operasi entiti kerjasama antara UA dan MAIN seperti berikut:

- a. Dana wakaf yang diterima daripada pelanggan individu atau korporat, orang awam dan pengguna internet dari segi wang tunai yang dimasukkan ke dalam akaun wakaf UA.
- b. Dana wakaf yang diterima akan diuruskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB).
- c. Sebahagian dana akan dilabur dan diagih untuk membiayai aktiviti wakaf mereka.
- d. Hasil pelaburan akan disalurkan ke bidang pendidikan, kesihatan dan aktiviti pelaburan yang mematuhi Syariah. Penyaluran dana wakaf kepada aktiviti tersebut hendaklah mendapat kelulusan JPB; dan
- e. Laporan aktiviti wakaf hendaklah dilaporkan kepada MAIN, pewakaf dan orang awam

Cadangan Model Pengurusan Wakaf di UA




Kebanyakan UA menggunakan kaedah yang hampir sama dalam menguruskan dana pokok wakaf tunai iaitu melaburkan di dalam akaun deposit tetap patuh syariah (*Fixed Deposit*) kerana tidak mahu mengambil risiko tinggi. Ini kerana dana wakaf tidak boleh dilaburkan di dalam akaun yang berisiko tinggi untuk mengekalkan jumlah pokok dana wakaf tunai supaya ia tidak mengurangkan ain atau jumlah sebenar wakaf tunai. Antara kriteria penting dalam melaburkan dana wakaf ialah modal wakaf tidak berkurangan, pelaburan yang konsisten dan stabil serta patuh syariah. Oleh yang demikian, pelaburan semua hasil pokok dana wakaf tunai ke akaun deposit tetap merupakan

kaedah yang paling tepat bagi menguruskan dana pokok wakaf tunai. Berdasarkan Rajah 5.3, satu model pengurusan wakaf tunai dibentuk yang merangkumi pengurusan tadbir urus wakaf, pengurusan dana pokok wakaf tunai dan pengurusan manfaat dana wakaf tunai.

Secara keseluruhannya, sumbangan wakaf tunai melalui pelbagai kaedah termasuklah melalui skim potongan gaji, secara atas talian, kaunter dan lain-lain lagi. Sumbangan dana wakaf tunai yang diterima akan dilaburkan ke akaun simpanan tetap (FD) ataupun dibuat pembelian aset kekal yang memberi manfaat kepada pelajar dan komuniti universiti.

Manfaat atau hibah yang diterima daripada pelaburan ke akaun simpanan tetap akan diagihkan kepada beberapa pecahan iaitu 10 peratus bagi kegunaan pentadbiran, 40 peratus bagi tujuan pelaburan semula dan 50 peratus diagihkan kepada penerima yang berkelayakan termasuklah pemberian sumbangan kepada pelajar kurang berkemampuan, sumbangan kepada staf, pembelian alatan pendidikan dan pembelian alatan kesihatan. Semua operasi melibatkan dana wakaf tunai diuruskan oleh pusat wakaf universiti dan dipantau oleh jawatankuasa bersama universiti dan Majlis Agama Islam Negeri.

Cadangan Model Agihan Manfaat Wakaf



Rajah 5.5: Cadangan Model Agihan Manfaat Wakaf

Terdapat beberapa UA yang giat mengagihkan manfaat daripada dana wakaf di universiti masing-masing. Kepelbagaian jenis agihan manfaat ini dapat membantu golongan yang memerlukan. Setelah diteliti beberapa kaedah pengagihan manfaat wakaf di UA, satu model agihan manfaat wakaf telah dicadangkan dan beberapa kaedah agihan manfaat telah dikenal pasti seperti rajah 5.6 termasuklah:



Rajah 5.6: Agihan Manfaat Wakaf

Manfaat atau hibah yang diterima daripada pelaburan ke akaun simpanan tetap diagihkan kepada beberapa pecahan iaitu 10 peratus bagi kegunaan pentadbiran, 40 peratus bagi tujuan pelaburan semula dan 50 peratus diagihkan kepada penerima yang berkelayakan termasuklah pemberian sumbangan kepada pelajar kurang berkemampuan, sumbangan kepada staf, pembelian alatan pendidikan dan pembelian alatan kesihatan. Semua operasi melibatkan agihan manfaat dana wakaf diuruskan oleh Pusat Wakaf Universiti dan dipantau oleh Jawatankuasa Bersama Universiti dan Majlis Agama Islam Negeri.

Agihan manfaat dana wakaf boleh disumbangkan kepada warga universiti sama ada pelajar atau staf universiti yang memerlukan. Contoh agihan manfaat dana wakaf melalui bantuan pembelian peralatan pendidikan seperti peranti digital bagi proses pembelajaran.

Pembelian peralatan kesihatan dan perubatan terkini juga dapat digunakan daripada manfaat dana wakaf. Contoh pembelian peralatan kesihatan adalah seperti kerusi pergigian, alat untuk x-ray dan mesin perubatan terkini juga dapat digunakan bagi memberikan fasiliti kesihatan kelas pertama kepada warga universiti. Agihan manfaat wakaf juga dapat dilakukan melalui

pembangunan prasarana keusahawanan untuk pelajar berniaga di kampus Selain daripada itu, pembiayaan insan melalui kaedah *qard hassan* atau pinjaman tanpa faedah kepada staf yang memerlukan boleh menjadi salah satu agenda dalam mengagihkan manfaat dana wakaf tunai.

Kesimpulan

Model pembangunan wakaf pendidikan merangkumi kutipan dana, pentadbiran dan keputusan oleh JPB, dana disalurkan kepada beberapa bahagian seperti pelaburan dan agihan. Seterusnya, hasil pelaburan diagihkan kepada pelbagai pihak dan penerima yang memerlukan. Oleh itu, manfaat wakaf ini perlu diagihkan berkaitan pendidikan secara menyeluruh.

BAB 6

PENUTUP

Penutup

Wakaf merupakan salah satu amalan yang dituntut oleh ajaran Islam dan perlu diterapkan dalam setiap lapisan masyarakat dan kategori umur. Ganjaran amalan berwakaf ini berterusan diterima oleh pewakaf selagi mana *'ain* atau harta yang diwakafkan itu kekal dan manfaatnya dinikmati oleh orang ramai. Amalan berwakaf telah dipraktikkan sejak zaman Nabi Muhammad SAW dan seterusnya diikuti oleh zaman para sahabat baginda sehingga ke hari ini. Ini selari dengan dalil –dalil pensyariatian daripada Al-Quran dan Hadis yang sangat menggalakkan pelaksanaan amalan berwakaf.

Kini wakaf telah melalui pelbagai fasa pembaharuan dan inovasi bagi mengekalkan kelestarian amalan ibadah ini. Ini

termasuk konsep wakaf kontemporari seperti wakaf tunai yang diperkenalkan bagi menyemarakkan semangat amalan wakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Sambutan amalan berwakaf ini tidak hanya subur dalam kalangan individu Muslim malahan telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan di organisasi atau institusi – institusi badan kerajaan termasuk institusi pendidikan seperti universiti awam dan badan bukan kerajaan. Perbincangan berkaitan konsep wakaf dan kepentingan amalan berwakaf telah banyak diperkatakan dan dihebahkan melalui terbitan bahan ilmiah, forum, diskusi, serta pelbagai platform lain. Melalui buku ini yang berjudul “Amalan Tadbir Urus Wakaf Universiti Awam Malaysia” terbitan JAWHAR telah memperlihatkan kepada masyarakat umum pelaksanaan amalan berwakaf di sepuluh (10) buah universiti awam Malaysia. Namun, wujud beberapa persoalan yang timbul berkaitan dengan pelaksanaan amalan ini. Antaranya, bagaimana tadbir urus amalan wakaf ini dilaksanakan? Siapakah yang terlibat dengan tadbir urus wakaf ini? Apakah corak pengurusan dana wakaf dan agihan manfaat dana wakaf yang diamalkan? Apakah cara yang terbaik bagi kutipan dana wakaf? Bagaimana institusi pendidikan

memastikan kelestarian dana wakaf ini? Apakah corak tadbir urus wakaf yang terbaik? Adakah perlu pelarasan pengurusan tadbir urus wakaf dibuat? Dan adakah pelaksanaan tadbir urus wakaf ini dapat membantu institusi pendidikan negara?

Alhamdulillah, dengan penerbitan buku ini menerusi tujuh (7) bab diharapkan dapat mengupas dan membincangkan persoalan – persoalan di atas dengan baik. Penulisan secara ilmiah bermula dengan membahaskan konsep dan dalil pensyariatan wakaf. Perbahasan ini memberikan penjelasan terperinci berkaitan dengan tuntutan amalan berwakaf dalam Islam. Di samping itu, buku ini juga mengulas jenis – jenis wakaf serta amalan wakaf di universiti awam. Kepelbagaian aktiviti dan produk wakaf yang terdapat di sepuluh (10) universiti awam ini menunjukkan inovasi produk wakaf dan kreativiti pihak pengurusan wakaf bagi menyemarakkan amalan berwakaf dalam kalangan warga universiti. Tambahan pula, buku ini juga berjaya mempamerkan kaedah – kaedah kutipan wakaf yang telah dilaksanakan di universiti awam terpilih. Selain itu, buku ini juga berjaya membincangkan konsep dan definisi tadbir urus wakaf serta kepentingan tadbir urus dalam pelaksanaan wakaf di sesebuah institusi. Malahan menjadi satu keunikan

dan keistimewaan buku ini adalah perbincangan khusus berkaitan corak amalan tadbir urus wakaf bagi sepuluh (10) buah universiti awam. Kupasan berkaitan pengurusan dana wakaf serta agihan manfaat dana wakaf di universiti awam dapat dijadikan satu sumber rujukan dalam bidang wakaf di Malaysia. Lebih menarik lagi, pembaca juga dihidangkan beberapa model cadangan tadbir urus wakaf di universiti awam. Antaranya ialah; (1) cadangan model tadbir urus wakaf di universiti awam, (2) cadangan model pengurusan dana wakaf di universiti awam, (3) cadangan model pengurusan manfaat dana wakaf di universiti awam. Justeru itu, diharapkan melalui penerbitan buku ini boleh menjadi satu sumber rujukan dan memberikan idea baharu kepada institusi pendidikan terutamanya universiti awam bagi merencanakan lagi amalan berwakaf dikalangan warga universiti.

BENGKEL PENYEDIAAN BUKU TADBIR
URUS WAKAF DI INSTITUSI PENDIDIKAN
TINGGI (SIRI 1)
19-21 OGOS 2022



BENGKEL PENYEDIAAN BUKU TADBIR
URUS WAKAF DI INSTITUSI PENDIDIKAN
TINGGI (SIRI 2)
28-30 OKTOBER 2022



BENGKEL EDITORIAL DAN PEMURNIAN
BUKU TADBIR URUS WAKAF DI
UNIVERSITI AWAM, 10-11 November
2023, Google Meet



GLOSARI

<i>'Ain</i>	Sesuatu yang berbentuk fizikal atau zat
<i>Benefisiari</i>	Pihak yang menerima sesuatu pemberian atau harta sama ada hibah wakaf atau wasiat dan lain-lain
<i>Hak mutawalli</i>	Bertanggungjawab memelihara dan memastikan harta wakaf berada dalam keadaan baik, selamat dan sempurna
<i>Hak nazir</i>	Hak dalam menguruskan harta wakaf supaya dalam keadaan baik
<i>Istibdal</i>	Membeli sesuatu harta yang lain melalui hasil jualan untuk dijadikan <i>mawquf</i> bagi menggantikan harta yang dijual
<i>Literal</i>	Dari aspek bahasa
<i>Harta Manqul</i>	Harta boleh alih
<i>Maqasid Syariah</i>	Objektif dan matlamat Syariat Islam
<i>mauquf</i>	Harta yang diwakafkan
<i>Nazar am</i>	Nazar ialah janji manusia kepada Allah SWT kerana menghargai nikmat yang diterima atau mendapat hajat yang dicita tanpa sebarang pengkhususan
<i>Nazir khas</i>	Seseorang yang berkuasa terhadap seluruh hal ehwal wakaf, berperanan sebagai wakil pewakaf dan wasiatnya setelah dia meninggal dunia

<i>Pentadbir wakaf</i>	Institusi yang menguruskan harta wakaf
<i>Responden</i>	orang yang memberikan maklumat (menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dan sebagainya) dalam sesuatu kaji selidik
<i>Sighah</i>	Lafaz akad
<i>Wakaf am</i>	Amalan berwakaf yang bertujuan untuk kebaikan tanpa sebarang pengkhususan
<i>waqif</i>	Orang yang berwakaf

RUJUKAN

Abd. Shakor bin Borham (2011), Pelaksanaan Pembangunan Wakaf korporat Johor Corporation Berhad (Jcorp): Satu Tinjauan, International Conference on Humanities: Kuala Lumpur.

Abu Zahrah, M.(2009). Mukhadārah fi al-Waqf. *Kaherah: Dār al-Fikr al'Arabiyy.*

Ab Latiff, A. Z., Daud, N. M., & Ismail, C. Z. (2008). Pengurusan harta wakaf dan potensinya ke arah kemajuan pendidikan umat Islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 2(2), 25-61

Al-Baghdadi, Abu Muhammad Ghanim b. Muhammad (1999). *Majma' al-Damanat fi Madhab al-Imam al-A'zam Abi Hanifah al-Nu'man*, jld.2, Dar al-Salam.

Al-Fayruz Abadi, Muhammad Ibn Ya'qub (1987). *al Qamus al-Muhit*. Qahirah: Muassasah al Risalah

Al-Haskafi, Muhammad 'Ala' al-Din (t.t). *Sharh al-Durr al-Mukhtar*, jld. 2, Kaherah : Matba'ah Sabih wa Awladihi.

Al-Imam Ibn Hajar Al-Haytami (1990). *Wa huwa Sharh Ala Kitab Minhaj al-Talibin Fil Fiqh al-Shafa'i*

Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya (2000). *Rawdah al-Talibin*, jld. 4, Beirut : Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah.

Ibn Qudamah, Abu Muhammad ‘Abd Allah bin Ahmad (1972).
Al-Mughni, j.6, c.4. *Beirut: Dar Al-Kutub al-‘Arabi.*

Al-Qudha, Munzir Abdul Karim. (2011). *Ahkām al-Waqf Dirāsah Qanuniyyah Fiqhiyyah Muqāranah Baina al-Syarī‘ah wa al-Qanūn.* Amman: Dār al-Thasaqāfah

Al-Ramli, Syams al-Din Muhammad Abi al-‘Abbas Ahmad (1967). *Nihayah al-Muhtaj ‘Ala Sharh al-Minhaj*, juz.5, Mesir : Matba’ah Isa al-Babi al-Halabi.

Al-Syarbini, Syam al-Din Muhammad al-Khatib b. Ahmad (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma’rifat al-Ma’ani Alfaz al-Minhaj*, jld.21, Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Shawkani (1384H/1964), *Nayl-Awtar*, Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi, juz. 6, h. 24.

Al-Zuhayli, Wahbah (1997). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh.*
Beirut: Dar al-Fikr

Ibn Hajar al-Asqalani (t.t), *Fath al-Bari*, Beirut: Dar al-Fikr, juz. 6. h. 61.

Kahf, Monzer. 1998. Financing the Development of Awqaf Property. Paper presented at the Seminar on Development of Awqaf organized by Islamic Research and Training Institute (IRTI), Kuala Lumpur, Malaysia, March 2-4, 1998.

Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka:
Kuala Lumpur, 2010.

Ministry of Higher Education. Enhancing university income generation, endowmen and waqf, University Transformation Programme, Purple Book (2016).

Mohd Ali Mohamad Don. (2016). Peranan wakaf untuk pembangunan pendidikan tinggi: Sejarah silam dan contoh pelaksanaan di Malaysia. Dalam 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, 188-194.


Mutiara, D. S, Ab. Aziz, Y., & Ahmad Shaifful Annuar, A. S. (2016). Pembangunan Wakaf Pendidikan di University College Bestari, Terengganu. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities*, 1(4),1-17.

Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda. (2014). Pengurusan wakaf pendidikan di institusi pengajian tinggi Malaysia: satu sorotan literatur. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. UTM Press.

Rohayati Hussin & Rusnadewi Abdul Rashid. (2018). Pelaksanaan Wakaf di Universiti Awam: Cabaran dan Cadangan Penambahbaikan, 23-34.

Siti Mashitoh, M., Asmak, A. R. & Azizi, C. S. (2018). Cabaran pelaksanaan wakaf universiti awam di Malaysia: Analisis menurut perundangan di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, Julai, 384-410.

Siti Mashitoh Mahamood & Asmak Ab Rahman. (2015). Financing universities through waqf, pious endowment: Is it possible ? *Humanomics*, 31(4), 430–453.



Wan Kamal Mujani, Mohd Syakir Mohd Taib, & Mohamad Khairul Izwan. (2016). Waqf higher education in Malaysia. Dalam International Conference on Education, Elearning and Management Technology (EEMT 2016).

INDEKS

- AAOIFI, 10, 11
al-habs, 7
al-hakimiyah, 26
al-Mutawalli , 30, 31, 33
al-Waqif, 32
al-Nazir, 33, 34
'ain, 8, 9, 70, 73
adat, 26, 42, 48
agama, 4, 7, 10, 17, 18, 20, 26, 27, 30, 34, 35, 38, 41, 42, 43, 46,
47, 62, 63, 64, 66, 67, 68, 70, 71
agihan, 38, 39, 41, 43, 44, 46, 47, 64, 65, 67, 68, 70, 71
agihan manfaat wakaf, 38, 41, 43, 46, 47, 49, 67, 68
akaun simpanan tetap, 65, 66
amalan wakaf, 14, 15, 59, 68, 70
- bahasa, 7, 26, 73
basiswa, 43, 44, 65
- cekap, 2, 5, 19, 25, 27, 28, 29,
chief financial officer, 40
crowdfunding, 4, 50, 55, 56
- dana, 2,4, 20, 21, 22,23,28, 38, 39, 40, 41, 42, 44, 45, 47, 48, 49,
50, 51, 52, 54, 55, 56, 57, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 68, 70, 71
dana wakaf tunai, 39, 40, 45, 51, 63, 64, 66
dana manfaat, 21, 39
- endowment*, 20, 23
endowmen, 4, 20, 21, 22, 23, 37, 40, 41, 42, 47, 48, 50, 51, 55
e-payment, 56, 65

e-pusat, 56

e-claim, 56

faedah, 9, 10, 31, 32, 33, 68

fatwa, 15, 16, 17

fi perkhidmatan, 39

fuqaha, 8, 15, 17, 34

garis panduan, 21, 29, 58, 61

Hak *mutawalli*, 35, 48, 51, 61, 73

hibah, 68, 73

hukum, 8, 9, 10, 11, 15, 32, 39, 41, 44, 61

hukum wakaf, 15

infaq, 13, 23, 48, 51, 55,

inovasi, 71, 72

institusi wakaf, 26, 27, 28, 30, 50

instrument, 15, 20, 22

institusi badan kerajaan, 70

istibdal, 18

khairat, 4, 9, 17, 18, 23, 32, 42, 53

kutipan dana, 22, 48, 56, 57, 59, 63, 68, 70

muakkad, 15

mauquf 'alaih, 15

maqasid Syariah, 28

mu'aqqat, 16

manqul, 16

Majma' Fiqh Islami, 17

Majlis Agama Islam Negeri, 62, 63, 65, 66

mazhab, 8, 9, 15, 16, 17
model wakaf, 2
model agihan manfaat, 67
model pengurusan wakaf, 64, 65, 66
mutawalli, 27, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 39, 41, 42, 45, 47, 48, 51,
61

nazar am, 32
nazir khas, 35, 40, 44, 45

patuh syariah, 65
pelaburan, 23, 32, 39, 40, 41, 45, 64, 65, 66, 67, 68
pelaburan semula, 65, 66, 67, 68
pembiayaan, 22, 67, 68
pembiayaan Insan, 67, 68
pewakaf, 8, 17, 18, 19, 27, 28, 30, 31, 32, 34, 42, 52, 57, 61, 64,
65, 70
pentadbir wakaf, 30, 32, 35, 50, 61, 73
pengurusan wakaf, 2,3,4, 23, 28,29,30, 37, 40, 42, 44, 45, 47, 48,
50, 51,54, 55, 58 61, 62, 63, 64, 65, 66
perbadanan, 20, 26, 33, 34, 38, 40, 47, 48
pokok wakaf tunai, 65, 66
pusat wakaf universiti, 4, 66, 68
potongan gaji, 43, 56, 57, 66
Qard al-Hassan, 68

sedekah, 4, 13, 14, 15, 23, 42, 43, 46, 55
sighah, 18
sistematik, 5, 22, 37,
skim potongan gaji, 56, 57, 66

tabung wakaf ilmu, 52, 57

tadbir urus, 2, 3, 5, 22, 25, 26, 27, 28, 29, 35, 37, 38, 40, 42,
47,48, 58, 61, 62, 66, 70, 71

teknologi, 3, 28

Universiti awam, 2, 3, 4, 5, 20, 21, 22, 23

Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), 3, 4, 35, 50, 52, 53, 55

Universiti Teknologi Malaysia, 3

Universiti Teknikal Malaysia, 3

University Transformation Programme, 20

Universiti Tun Hussein Onn, 3, 40

Universiti Sains Malaysia, 3

Universiti Utara Malaysia, 3

Universiti Putra Malaysia, 3

Vertikal, 25, 26,

wakaf Khairi, 17, 18

wakaf ilmu, 38, 46, 49, 52, 57

wakaf pendidikan, 4, 21, 27, 44, 45, 52, 55, 59, 68

wakaf am, 9, 10, 17, 18, 27, 32, 44, 51, 73

wakaf khas, 9, 10, 17, 18, 27, 32, 51, 52, 53, 54, 55

wakaf harta alih, 16, 53

wakaf dinar, 17

wakaf dirham, 17

wafat, 15

waqif, 15, 32


Yayasan, 4, 21, 23, 43

zakat, 3, 4, 23, 37, 42, 45, 47, 48, 51, 55, 58

NOTA



NOTA



Pelaksanaan Tadbir Urus Wakaf di universiti awam merupakan pemangkin kepada pengurusan wakaf yang lebih cekap dan sistematik. Berdasarkan kandungan buku ini memaparkan 11 corak amalan tadbir urus yang berbeza, kerana ia dipantau oleh Majlis Agama Islam Negeri yang berbeza serta mempunyai bidang kuasa dan amalan pentadbiran tersendiri. Antara objektif utama buku ini diterbitkan adalah untuk mengenal pasti jenis dan kaedah pelaksanaan wakaf di universiti awam; meneroka beberapa model tadbir urus wakaf yang telah dilaksanakan di universiti awam; menganalisa pengalaman dan amalan pelaksanaan tadbir urus wakaf di universiti awam di samping memperkemas dan menambah baik sistem tadbir urus yang sedia ada; dan membangunkan model yang terbaik serta ideal bagi tadbir urus wakaf di universiti awam agar sistem pengurusan wakaf lebih cekap dan teratur.



JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
Aras 8-9, Blok D
Kompleks Islam Putrajaya
Jalan Tun Abdul Razak
Presint 3, 62100
Putrajaya, Malaysia

Telefon : +(6) 03 8883 7400
Faks : +(6) 03 8883 7406
E-mel : Penerbitan@jawhar.gov.my
Website : <http://www.jawhar.gov.my/>

ISBN 978-967-25893-2-7



9 789672 589327

**EDARAN
PERCUMA**